

No. Kelas:

No Perolchan:

Tarikh:

PEMBANTU RUMAH FILIPINA DI LEMBAH KELANG.

oleh

LAU PEI SHAN

NO.MATRIK : 060406

Latihan ilmiah bagi memenuhi sebahagian
daripada keperluan Ijazah Sarjana Muda Sastera

Jabatan Antropologi dan Sosiologi

Fakulti Sastera dan Sains Sosial

Universiti Malaya

Kuala Lumpur

1993/94

Penghargaan

Penulis ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada semua pihak yang telah membantu secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjalankan kajian dan seterusnya menyiapkan penulisan latihan ilmiah ini.

Pertama sekali, penghargaan yang setinggi-tingginya ditujukan kepada Prof Dr. Azizah Kassim yang sudi menjadi penyelia penulis. Beliau telah banyak memberi tunjuk ajar, panduan dan bantuan kepada penulis dari awal kajian sehingga ke saat-saat terakhir penulisan latihan ilmiah ini.

Penulis juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Encik Alicio, Puan Caridad Tharan dan Prof. Madya Richard F. Dorall atas segala pertolongan dan kerjasama mereka dalam mendapat responden-responden untuk kajian ini dan bahan-bahan rujukan yang berkaitan.

Penghargaan juga ditujukan kepada kawan-kawan penulis yang telah membantu dalam proses menemubual responden terutamanya Andrew, Megan dan Vivienne. Terima kasih atas segala bantuan dan tunjuk ajar yang diberi oleh Siew Hwa dan Mei Ling dalam mengguna komputer dan mencetak latihan ilmiah ini. Terima kasih juga kepada semua kawan-kawan

penulis yang selalu menanyakan khabar tentang perkembangan latihan ilmiah ini dan memberi sokongan moral kepada penulis.

Terima kasih yang setinggi-tingginya kepada pembantu rumah Filipina yang telah sanggup memberi kerjasama dalam menjawab borang soalselidik. Terima kasih juga kepada pembantu rumah Filipina di gereja St. Francis Xavier yang telah banyak membantu penulis dalam memberi maklumat yang berguna dalam kajian ini.

Akhir sekali kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan latihan ilmiah ini, penulis mengucapkan jutaan terima kasih.

Lau Pei Shan

Jabatan Antropologi dan Sosiologi,

Fakulti Sastera dan Sains Sosial,

Universiti Malaya.

Kuala Lumpur.

1993/94.

SINOPSIS

Latihan ilmiah ini membincangkan tentang pembantu rumah Filipina di Lembah Kelang. Penulis telah membahagikan latihan ilmiah ini kepada lima bab supaya perbincangan yang baik dapat dijalankan.

Bab pertama merupa pengenalan kepada kajian ini. Perkara-perkara yang dibincang dalam bab ini adalah tujuan dan bidang kajian, permasalahan kajian, kaedah kajian, kesulitan kajian, ulasan kajian lepas, pekerja asing di Malaysia dan pembantu rumah asing.

Bab kedua menghuraikan tentang latar belakang pembantu rumah Filipina. Di antara perkara yang dibincang dalam bab ini adalah latar belakang peribadi responden, sebab-sebab memilih pekerjaan pembantu rumah, proses mendapat kerja dan persediaan untuk memulakan kerja di Malaysia.

Bab ketiga membincangkan kehidupan responden di tempat kerja. Latar belakang majikan, pekerjaan dan masalahnya, ganjaran, masalah, pertukaran majikan, perlanjutan kontrak dan tingkat kepuasan kerja adalah perkara-perkara yang dibincang dalam bab ini. Dua kajian kes turut disertakan dalam bab ini.

Bab keempat menghuraikan tentang kehidupan di luar tempat kerja responden. Bab ini memfokus kepada perhubungan dengan pembantu rumah Filipina yang lain, perhubungan dengan masyarakat tempatan dan perhubungan dengan keluarga di Filipina.

Bab kelima adalah bab penutup kajian ini. Perkara yang dibincang menyentuh ganjaran ekonomi dan sosial, adakah responden menyesal datang bekerja di sini, adakah responden akan balik bekerja di sini sekiranya berpeluang untuk berbuat demikian, rancangan masa hadapan dan kesimpulan penulis terhadap kajian ini.

Ta1. Kandungan

BAB 1. PENDAHULUAN

1.1. Tujuan dan Bidang Kajian

1.2. Perubatan dan Kajian

1.3. Kajian dan Kajian

1.4. Kajian dan Kajian

1.5. Kajian dan Kajian

1.6. Kajian dan Kajian

1.7. Kajian dan Kajian

1.8. Kajian dan Kajian

BAB 1 LATIHAN SILABUS Isi Kandungan

	Halaman
Penghargaan	i
Sinopsis	iii
Isi kandungan	v
Senarai jadual	x

2.2.4 Keluaran

Isi kandungan	Halaman
---------------	---------

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Tujuan dan bidang kajian	1
1.2	Permasalahan kajian	2
1.3	Kepentingan kajian	3
1.4	Kaedah kajian	3
1.5	Kesulitan kajian	5
1.6	Ulasan kajian lepas	7
1.7	Pekerja asing di Malaysia	9
1.8	Pembantu rumah asing	10

BAB 2	<u>LATAR BELAKANG PEMBANTU RUMAH FILIPINA</u>	
2.1	Pengenalan	14
2.2	Latar belakang peribadi	14
2.2.1	Tempat asal	14
2.2.2	Taburan umur semasa berhijrah	15
2.2.3	Taraf perkahwinan	16
2.2.4	Keluarga	17
	a. Latar belakang suami	17
	b. Latar belakang anak	19
2.2.5	Taraf pendidikan	21
2.2.6	Pekerjaan dahulu	24
2.3	Sebab-sebab memilih pekerjaan pembantu rumah	26
2.3.1	Sebab-sebab memilih menjadi pembantu rumah di luar negeri	26
2.3.2	Sebab-sebab memilih Malaysia	27
2.4	Proses mendapat kerja	30
2.4.1	Punca maklumat kerja	30
2.4.2	Bayaran kepada agensi pekerjaan	32
	a. Punca kewangan utama	32
	b. Jumlah bayaran kepada agen	33
	c. Corak bayaran	34
	d. Bayaran penuh sebelum datang	36
	e. Wang pendahuluan	36
	f. Tempoh bayaran ansuran	38
	g. Jumlah bayaran ansuran	39
2.5	Persediaan untuk memulakan kerja di Malaysia	40
2.5.1	Persediaan di Filipina	40
2.5.2	Persediaan di Malaysia	41

BAB 3 KEHIDUPAN DI TEMPAT KERJA

3.1	Latar belakang majikan	45
3.1.1	Etnik majikan	45
3.1.2	Agama majikan	46
3.1.3	Kehadiran majikan di rumah	47
3.2	Pekerjaan dan masalahnya	47
3.2.1	Masa kerja	47
3.2.2	Tugasan	49
	a. Membeli-belah di pasar	49
	b. Memasak	51
	c. Membersihkan rumah	53
	d. Mencuci dan menggosok pakaian	54
	e. Penjagaan kanak-kanak	54
	f. Membasuh kereta majikan	56
	g. Tugas-tugas lain	57
3.3	Ganjaran	58
3.3.1	Gaji	58
3.3.2	Cuti	60
3.3.3	Bilik sendiri	62
3.3.4	Hadiah	63
3.3.5	Kemudahan perubatan	63
3.3.6	Kemudahan lain	64
3.4	Masalah	64
	Kes Victoria	65
	Kes Mari Lou	66
3.5	Pertukaran majikan	69
3.6	Perlanjutan kontrak	70

3.7	Tingkat kepuasan kerja	70
-----	------------------------	----

BAB 4 KEHIDUPAN DI LUAR TEMPAT KERJA

4.1	Pengenalan	72
4.2	Perhubungan dengan pembantu rumah Filipina yang lain	72
4.2.1	Jaringan sosial tidak formal	73
	a. Gereja	73
	b. Mini Manila	75
	c. Kota Raya	81
	d. Pejabat Agensi	82
	e. Disko	83
4.2.2	Jaringan sosial formal	84
	a. Kedutaan Filipina	84
4.3	Perhubungan dengan masyarakat tempatan	88
4.4.	Perhubungan dengan keluarga di Filipina	91

BAB 5 PENUTUP

5.1	Pengenalan	98
5.2	Ganjaran ekonomi	98
5.3	Ganjaran sosial	98
5.4	Adakah menyesal datang bekerja di Malaysia?	99
5.5	Adakah akan balik bekerja di Malaysia sekiranya berpeluang?	101
5.6	Rancangan masa hadapan	103
5.7	Kesimpulan	105

Lampiran:

Halaman

Lampiran 1: Malay Mail, 1 Disember 1990	17
Lampiran 2: The Star, 19 November 1992	18
Lampiran 3: Keperluan Permohonan Pas Lawatan	18
Lampiran 4: Standard Employment Contract	19
Jadual 2.2 Jumlah anak	19
Jadual 2.3 Persegi empat	20
Jadual 2.4 Yarat pentadik	22
Jadual 2.5 Yarat pentadik pentadik	24
Jadual 2.6 Sebab-sebab dalam-badan	27
Jadual 2.7 Sebab-sebab dalam-badan	29
Jadual 2.8 Punca dalam-badan	32
Jadual 2.9 Punca dalam-badan	33
Jadual 2.10 Punca dalam-badan	34
Jadual 2.11 Punca dalam-badan	37
Jadual 2.12 Punca dalam-badan	37
Jadual 2.13 Punca dalam-badan	38
Jadual 2.14 Punca dalam-badan	39
Jadual 2.15 Punca dalam-badan	40
Jadual 2.16 Punca dalam-badan	41
Jadual 2.17 Punca dalam-badan	42
Jadual 2.18 Punca dalam-badan	43
Jadual 3.1 Jumlah dalam-badan	44
Jadual 3.2 Jumlah dalam-badan	45
Jadual 4.1 Jumlah dan keberagaman airman	46
Jadual 4.2 Jumlah dan keberagaman airman	47

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 2.1	Tempat asal	15
Jadual 2.2	Taburan umur semasa berhijrah	15
Jadual 2.3	Taraf perkahwinan	16
Jadual 2.4	Kerja dan pendapatan bulanan suami responden	18
Jadual 2.5	Jumlah anak	19
Jadual 2.6	Penjaga anak	21
Jadual 2.7	Taraf pendidikan	22
Jadual 2.8	Taburan pekerjaan dahulu	24
Jadual 2.9	Sebab-sebab memilih menjadi pembantu rumah di luar negeri	27
Jadual 2.10	Sebab-sebab memilih Malaysia	28
Jadual 2.11	Punca maklumat kerja	32
Jadual 2.12	Punca kewangan utama	33
Jadual 2.13	Jumlah bayaran kepada agen	33
Jadual 2.14	Corak bayaran	34
Jadual 2.15	Wang pendahuluan	37
Jadual 2.16	Peratus wang pendahuluan dari kos mencari kerja	37
Jadual 2.17	Tempoh bayaran ansuran	38
Jadual 2.18	Jumlah bayaran ansuran setiap bulan	39
Jadual 3.1	Membeli-belah di pasar	50
Jadual 3.2	Gaji bulanan	58
Jadual 4.1	Jumlah dan kekerapan kiriman wang. (kumpulan A)	95
Jadual 4.2	Jumlah dan kekerapan kiriman wang. (kumpulan B)	96

BAB 1 PENGENALAN.

1.1 Tujuan dan bidang kajian.

Permintaan terhadap pembantu rumah semakin meluas sejak awal tahun 1980an. Keadaan ini timbul kerana kebanyakan keluarga pada masa kini merupa keluarga nuklear terutamanya keluarga di sekitar bandar. Di dalam keluarga sedemikian kebanyakan pasangan suami isteri bekerja dan mereka tidak menerima bantuan daripada ahli keluarga yang lain dalam penjagaan anak dan mengemaskan rumah. Oleh itu meningkatlah permintaan terhadap pembantu rumah sepenuh masa terutamanya dalam keluarga yang mempunyai anak-anak yang masih kecil.

Penawaran pembantu rumah sepenuh masa dari pasaran tempatan adalah amat kurang dan sangat mahal. Kebanyakan pembantu rumah tempatan lebih suka bekerja secara sambilan kerana tidak mahu terkongkong selama dua puluh empat jam di rumah majikan dan mereka ingin tinggal bersama dengan keluarga masing-masing. Keadaan ini mewujudkan permintaan terhadap pembantu rumah asing terutamanya dari negara Filipina dan Indonesia yang rela bekerja sepenuh masa selama sekurang-kurangnya dua tahun.

Kajian ini menumpukan perhatian kepada pembantu rumah Filipina khususnya di Lembah Kelang iaitu di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya di mana kebanyakan daripada kumpulan ini bekerja. Penulis ingin memahami secara lebih terperinci pengalaman kerja pembantu rumah Filipina di sini dan melihat samada mereka memperolehi faedah akibat penghijrahan mereka ke sini untuk bekerja.

Kedua-dua kawasan Kuala Lumpur dan Petaling Jaya dipilih kerana kawasan-kawasan ini dekat dengan tempat tinggal penulis. Ini memudahkan penulis melakukan kajian kerana dapat menjimatkan masa dan kos perjalanan.

1.2 Permasalahan Kajian

Permasalahan kajian ini adalah seperti berikut:

- a. Untuk mengetahui latar belakang responden dan sebab mereka memilih pekerjaan pembantu rumah di Malaysia.
- b. Untuk mengetahui cara mereka mendapat kerja sebagai pembantu rumah di luar negeri dan sumber kewangan untuk membayar agen-agen pengupahan.
- c. Untuk melihat pengalaman kerja pembantu rumah Filipina di Malaysia iaitu bagaimana mereka menyesuaikan diri dengan keadaan kerja mereka dan perhubungan dengan majikan.
- d. Untuk mengetahui sejauhmana perhubungan pembantu rumah Filipina dengan pembantu rumah Filipina yang lain, dengan masyarakat tempatan, dan dengan Kedutaan Filipina.
- e. Untuk melihat jenis hubungan pembantu rumah dengan keluarga di Filipina.
- f. Untuk melihat pengalaman penghijrahan pembantu rumah Filipina di sini iaitu samada mereka benar-benar memperolehi faedah hasil daripada bekerja di sini dan juga untuk melihat rancangan masa hadapan mereka.

1.3 Kepentingan kajian.

Sehingga kini masih amat kurang kajian terperinci terhadap pembantu rumah Filipina di Malaysia, jadi penulis berharap penyelidikan mikro ini dapat meningkatkan pemahaman kita terhadap golongan ini memandangkan ketibaan mereka telah mengubah struktur pasaran buruh tempatan iaitu dalam sektor pembantu rumah. Golongan pekerja asing ini telah memenuhi sebahagian besar permintaan masyarakat tempatan terhadap pembantu rumah sepenuh masa. Malahan masyarakat tempatan telah mengaitkan pembantu rumah dengan wanita Filipina dan sebaliknya.

Penulis berharap pemahaman yang lebih mendalam mengenai golongan ini dapat dijadikan panduan oleh pihak berkuasa dari negara Filipina dan Malaysia untuk membuat undang-undang yang adil bagi melindungi hak pembantu rumah Filipina untuk mengelakkan sebarang penganiayaan dan penyelewengan oleh mana-mana pihak yang terlibat.

Pemahaman yang lebih mendalam mengenai keadaan pembantu rumah Filipina di sini juga akan dapat membantu pihak majikan menjadi lebih bertimbangrasa dan sabar terhadap usaha golongan ini untuk menyesuaikan diri mereka dengan alam sekitar yang baru dan kerja mereka.

1.4 Kaedah kajian.

Oleh kerana pembantu rumah adalah berselerak di sekitar Lembah Kelang, penulis akan menumpukan kajian luar di sekitar gereja Katolik yang sering dikunjungi oleh pembantu rumah Filipina pada hari Ahad iaitu hari cuti

mereka untuk memudahkan kajian.

Jumlah responden kajian ini adalah lima puluh orang. Kebanyakan responden diperolehi dari "Mini Manila" iaitu suatu kawasan yang terletak berdekatan dengan gereja St. John di Kuala Lumpur. Selain daripada itu, responden juga diperolehi dari gereja St. Francis Xavier di Petaling Jaya, pejabat agensi di Kuala Lumpur dan di sekitar kompleks membeli-belah Kota Raya yang dikunjungi oleh ramai pembantu rumah Filipina.

Temubual berstruktur dengan menggunakan borang soalselidik digunakan untuk memperolehi maklumat dari responden. Temubual berpanduan soalan yang disediakan secara kasar digunakan untuk memperolehi maklumat dari pihak-pihak lain yang berkaitan dengan responden seperti pihak agensi pengambilan tempatan, Kedutaan Filipina, Jabatan Imigresen, gereja, majikan, kawan-kawan pembantu rumah Filipina yang terdiri dari orang tempatan dan warga Filipina.

Temubual dengan responden hanya dapat dijalankan pada hari cuti mereka sahaja. Jadi penulis telah meminta bantuan dari beberapa kawan-kawan untuk menemubual responden berpanduan borang soalselidik kerana kesuntukan masa untuk menyiapkan kajian luar.

Cara rangkaian sosial digunakan untuk memperolehi responden untuk ditemubual. Melalui cara ini pihak yang ada hubungan dengan pekerja Filipina seperti pihak gereja dan kawan-kawan responden akan diminta untuk memperkenalkan penulis kepada bakal responden. Selain daripada cara ini

responden juga diperolehi dari tempat kajian secara rawak.

Selain daripada menemubual responden, penulis juga menggunakan cara penyertaan pemerhatian untuk lebih memahami keadaan responden. Penulis mengikuti aktiviti pembantu rumah di gereja St. Francis Xavier, mengikuti lawatan mereka ke tempat lain, mengunjungi disko yang dikunjungi oleh mereka dan mengunjungi tempat lain yang dikunjungi oleh ramai pembantu rumah seperti "Mini Manila" dan Kota Raya.

Penyelidikan perpustakaan juga turut diguna untuk mencapai pemahaman yang lebih mendalam terhadap isu-isu yang menjadi fokus penulis. Data-data sekunder dari buku, latihan ilmiah tahun-tahun lepas, keratan akhbar dan kertas-kertas persidangan yang berkaitan dengan bidang kajian turut digunakan.

1.5 Kesulitan Kajian.

Soalan-soalan dalam borang soalselidik disediakan dalam Bahasa Inggeris untuk memudahkan proses menemubual responden kerana mereka tidak memahami Bahasa Malaysia. Jawapan-jawapan yang diperolehi diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia ketika peringkat menulis.

Walaupun soalan dalam borang soalselidik telah disediakan dalam bentuk yang mudah difahami oleh responden tetapi masih ada segelintir responden yang kurang memahami soalan kerana penguasaan Bahasa Inggeris mereka kurang baik. Tetapi masalah ini dapat diatasi dengan pertolongan kawan-kawan mereka yang memahami soalan dan menterjemahkannya ke dalam Bahasa Tagalog untuk mereka. Tambahan juga, penulis

dapat jawapan dari soalan-soalan lain yang dijawab oleh responden.

Tiap-tiap borang soalselidik memerlukan masa yang lama untuk diselesaikan iaitu lebih kurang satu hingga satu setengah jam. Jadi penulis dan pembantunya perlu menjalankan temubual dengan cepat supaya dapat menghabiskan soalan sebelum responden mengikut kawan-kawannya pergi bersiar-siar.

Proses menemubual responden agak sukar dijalankan pada mulanya kerana mereka mempunyai perasaan syak wasangka terhadap penulis. Walau bagaimanapun mereka rela ditemubual oleh penulis setelah penulis menerangkan bahawa penulis adalah seorang pelajar yang sedang menjalankan kajian untuk latihan ilmiah. Selain daripada itu pihak-pihak lain seperti kawan-kawan responden dari masyarakat tempatan dan dari Filipina telah banyak membantu dalam menggalakkan responden ditemubual oleh penulis.

Penyertaan pemerhatian yang dijalankan oleh penulis kurang berkesan kerana penulis tidak memahami Bahasa Tagalog atau dialek tempatan yang sering diguna dalam perbualan dikalangan pembantu rumah Filipina. Jadi seringkali penulis harus meminta mereka menjelaskan perbualan mereka dalam Bahasa Inggeris.

Pegawai-pegawai dari Jabatan Imigresen dan Kedutaan Filipina sukar untuk ditemui kerana mereka amat sibuk dengan urusan masing-masing. Kesukaran untuk memperolehi maklumat dari pegawai-pegawai tersebut melambatkan kerja penganalisisan. Selain daripada itu,

maklumat yang tepat tentang jumlah pembantu rumah Filipina yang masuk dan keluar dari Malaysia, kes-kes penganiayaan serta melarikan diri juga tidak dapat diperolehi dari kedua-dua sumber tersebut kerana pengurusan data yang kurang lengkap.

1.6 Ulasan kajian lepas.

Tulisan Jojie Samuel M.C. Samuel (1987/88) merupakan latihan ilmiah yang pertama mengenai pembantu rumah Filipina di Lembah Kelang. Jojie telah mengkaji tentang penyelewengan dalam sistem pengupahan pembantu rumah Filipina. Faktor-faktor utama yang menyebabkan wanita-wanita Filipina bekerja di luar negeri juga ditinjau oleh Jojie. Jojie juga menulis tentang pengalaman hidup golongan ini di Malaysia seperti perhubungan dengan majikan dan agensi-agensi pengupahan. Walau bagaimanapun Jojie kurang menumpu perhatian terhadap aspek-aspek kemanusiaan kerana tulisan beliau lebih memberi penekanan kepada proses penghijrahan dan bukan adaptasi.

Selain dari Jojie, Esah Bte Bujang, (1987/88) menulis tentang orang-orang Filipina di Wilayah Labuan. Tulisan beliau bertujuan untuk melihat sumbangan orang-orang Filipina di dalam bidang-bidang tertentu dan mengenalpasti bidang mana yang paling ramai sekali orang-orang Filipina terlibat. Esah mendapati kebanyakan orang-orang Filipina menjadi buruh di pelabuhan, kilang dan sektor pembinaan bangunan. Perkhidmatan pembantu rumah tidak dititikberatkan dalam tulisan Esah. Esah menulis tentang faktor-faktor yang

menyebabkan orang-orang Filipina berhijrah ke Labuan dan corak kehidupan mereka di situ. Masalah-masalah yang dihadapi oleh kerajaan akibat daripada kemasukan orang-orang Filipina ke Labuan juga ditinjau.

Roslina Bt. Mohd Hassan (1988/89) menulis mengenai masalah sosio-ekonomi pembantu rumah di Seksyen 16, Petaling Jaya. Walaupun tumpuan tulisan beliau adalah terhadap pembantu rumah tempatan, kajian beliau ada meliputi seorang Filipina. Justeru tulisan Roslina kurang mencukupi untuk memahami keadaan pembantu rumah Filipina di ini.

Zakiah Bte. Jamaluddin (1991/92) menulis tentang pembantu rumah Indonesia di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Di antara perkara yang dibincang oleh Zakiah adalah sebab-sebab penghijrahan dan cara-cara mereka memperolehi pekerjaan. Hubungan pembantu rumah Indonesia dengan keluarga mereka di Indonesia dan Malaysia juga ada dibincang. Zakiah mendapati asimilasi melalui perkahwinan dengan rakyat tempatan wujud. Anak-anak yang dilahirkan hasil perkahwinan tersebut merupa warganegara Malaysia dan telahpun bersekolah di sini.

Caridad Tharan (1992) menulis tentang kejutan budaya yang merupa masalah utama pembantu rumah Filipina terutamanya mereka yang datang dari kawasan luar bandar. Tharan berpendapat bahawa pembantu rumah Filipina yang tidak berjaya untuk menghabiskan kontraknya akan pulang dalam keadaan yang lebih miskin daripada sebelum mereka berhijrah. Tharan juga telah menimbulkan beberapa cadangan untuk memperbaiki keadaan pembantu rumah Filipina yang bekerja di

seberang laut.

1.7 Pekerja asing di Malaysia.

Pada suatu masa dahulu Malaysia mengalami masalah pengangguran tetapi kini akibat daripada perkembangan ekonomi yang pesat, negara kita memerlukan pekerja asing untuk menampung permintaan buruh tempatan. Berdasarkan data yang diperolehi dari kajian Azizah Kassim (1994), pada 30 Jun 1992 terdapat 442,276 pekerja asing tidak sah di Semenanjung Malaysia berdaftar dengan pihak berkuasa. Lebih kurang separuh daripada pekerja asing tersebut adalah di dalam sektor binaan (50.41%). Sektor lain yang mempunyai pekerja asing adalah pertanian (24.01%), pembantu rumah (9.75%), pembuatan (8.54%) dan perkhidmatan seperti restoran (2.68%) dan perdagangan (4.61%).

Maklumat yang tepat tentang jumlah pekerja asing di Malaysia pada satu-satu masa tertentu sukar didapati kerana ada segelintir rakyat asing datang bekerja di sini tanpa pengetahuan kerajaan. Selain daripada itu jumlah pekerja yang mempunyai permit kerja pada satu-satu masa yang tertentu juga tidak diketahui dengan tepat kerana maklumat tentang tempoh kerja mereka di sini kurang lengkap memandangkan mereka boleh bekerja di sini untuk tempoh minima dua tahun dan tempoh maksima lima tahun.

Azizah Kassim (1994) berkata anggaran pihak kerajaan tentang jumlah pekerja asing di Semenanjung Malaysia dan Sarawak yang berjumlah lebih kurang 430,000 orang adalah kurang tepat. Beliau berpendapat anggaran

Jumlah pekerja asing yang lebih tepat adalah di antara 600,000 hingga 700,000 orang. Anggaran ini mengambil kira pekerja asing yang mempunyai permit kerja, pekerja asing tidak sah yang telah berdaftar dengan kerajaan pada 30 Jun 1992, pekerja asing tidak sah yang belum berdaftar lagi dengan pihak kerajaan dan pekerja asing yang menjalankan perniagaan sendiri.

Azizah Kassim (1994) mendapati pekerja asing yang mendaftar dengan kerajaan dalam tempoh yang berakhir pada 30 Jun 1992 berasal dari lebih kurang 28 buah negara. Kebanyakan daripada mereka berasal dari negara-negara di Asia Tenggara seperti Indonesia, Thailand, Myanmar, Filipina, Singapura dan Brunei. Jumlah yang terbanyak adalah daripada Indonesia dan kebanyakan daripada mereka ini adalah terdapat dalam sektor binaan.

1.8 Pembantu rumah asing

Perkembangan industri di Malaysia telah menambahkan peluang pekerjaan wanita tempatan dalam sektor perkilangan. Wanita lebih suka bekerja sebagai pekerja kilang daripada pembantu rumah kerana upah adalah lebih tinggi, masa kerja adalah lebih pendek dan mereka berpeluang untuk bersosiolisasi dengan pekerja yang lain (Tharan, 1989:274). Keadaan ini menimbulkan permintaan terhadap pembantu rumah asing.

Selain daripada itu keperluan terhadap pembantu rumah asing juga meningkat akibat daripada pertambahan kelas-kelas menengah di kalangan masyarakat tempatan

menyebabkan mereka mampu untuk menggaji pembantu rumah. Peningkatan pendidikan di kalangan wanita tempatan membolehkan mereka berupaya untuk memperolehi pekerjaan yang lain; jadi kurang ada wanita yang rela menjadi pembantu rumah (Azizah Kassim,1994).

Kebanyakan pembantu rumah asing di Malaysia berasal dari Filipina dan Indonesia. Selain daripada itu ada juga pembantu rumah yang berasal dari Thailand, Myanmar, Bangladesh, India, Pakistan, Sri Lanka dan segelintir dari Afrika.(Azizah Kassim,1994)

Pihak kerajaan bercadang untuk meningkatkan kuota agensi-agensi yang membawa masuk pembantu rumah Filipina dari 30 orang sebulan kepada 50 orang sebulan bermula dari November 1991 untuk memenuhi peningkatan permintaan terhadap pembantu rumah tersebut (The Star, 26 Oktober 1991). Kini dianggarkan ada seramai 12,000 hingga 14,000 pembantu rumah Filipina yang berdaftar dengan kerajaan di Semenanjung Malaysia (The New Straits Times,4 November 1993)

Beberapa agensi pengambilan berkata pembantu rumah Filipina adalah lebih popular daripada pembantu rumah Indonesia kerana kebanyakan majikan yang berasal dari kelas menengah dan atasan lebih suka pembantu rumah yang tahu Bahasa Inggeris memandangkan kebanyakan daripada mereka berbahasa Inggeris di rumah dan mereka juga berharap anak-anak mereka dapat belajar Bahasa Inggeris.

Menurut beberapa agen pekerjaan ada juga majikan yang terpaksa mengupah pembantu rumah Indonesia walaupun mereka lebih suka mengupah pembantu rumah Filipina.

Ini adalah kerana syarat yang dikenakan oleh pihak Imigresen. Jabatan Imigresen menghendaki majikan yang ingin menggaji pembantu rumah Filipina mempunyai pendapatan yang berjumlah sekurang-kurangnya RM4,000 sebulan. Majikan yang ingin menggaji pembantu rumah Indonesia pula hanya perlu mempunyai pendapatan RM2,000 ke atas sebulan. Syarat ini dikenakan oleh pihak Imigresen untuk memastikan pihak majikan berupaya untuk membayar gaji minima pembantu rumah iaitu RM500 sebulan untuk pembantu dari Filipina dan RM300 sebulan untuk pembantu dari Indonesia. Konkongan dari pihak Imigresen ini dianggap oleh agen pekerjaan sebagai salah satu sebab utama yang mendorong majikan mengupah pembantu rumah Indonesia dan bukan Filipina.

Seorang pegawai Jabatan Imigresen berkata bahawa kini lebih ramai pembantu rumah Indonesia yang memasuki Malaysia untuk bekerja secara sah berbanding dengan dahulu menyebabkan bilangan mereka lebih kurang sama dengan pembantu rumah dari Filipina. Pegawai Imigresen tersebut berkata bahawa ada lebih kurang 70 pendaftaran pembantu rumah Indonesia pada setiap hari berbanding dengan lebih kurang 40 hingga 50 pendaftaran pembantu rumah Filipina. Walau bagaimanapun akhbar The New Straits Times (4 November 1993) menganggarkan bahawa ada lebih kurang 40,000 pembantu rumah Indonesia yang sah di Malaysia pada masa kini.

Pembantu rumah dari negara Thai yang sah dianggarkan ada lebih kurang 100 orang sementara yang tidak sah di anggarkan adalah dua kaliganda jumlah tersebut (The New Straits Times, 4 November 1993). Seorang pegawai dari

BAB 2: LATAR BELAKANG PEMBANTU RUMAH FILIPINA.

2.1 Pengenalan.

Responden kajian ini bekerja di sekitar Lembah Kelang seperti di Bangsar, Ampang, Taman Tun Dr Ismail, Damansara dan Jalan Kelang Lama. Penulis telah membahagikan responden kepada dua kumpulan iaitu A dan B mengikut jangka masa mereka bekerja di Malaysia. Kumpulan A terdiri daripada responden yang hampir atau telah habis kontrak dua tahun mereka, sementara kumpulan B terdiri daripada mereka yang hampir atau tamat tempoh maksima perlanjutan kontrak iaitu lima tahun. Penulis ingin melihat ada tidaknya perbezaan di antara kedua-dua kumpulan tersebut.

2.2 Latarbelakang peribadi.

2.2.1 Tempat asal.

Kebanyakan responden (82%) berasal dari utara Filipina iaitu Pulau Luzon. Seramai 15 orang berasal dari Manila iaitu ibu negara Filipina yang terletak di pulau Luzon. Provinsi-provinsi lain di Luzon yang merupa tempat asal responden adalah Cavite, Nueva Vizeaya, Zambales, Ilocos dan Isabella. Provinsi Bacolod, Iloilo dan Roxas City merupa tempat asal responden dari pulau Visayas. Provinsi yang merupa tempat asal responden di Pulau Mindanao adalah Davao dan Surigao. Hanya seorang responden yang berasal dari pulau Bicol (lihat jadual 2.1).

Jadual 2.1: Tempat asal

	Kump A Bil	Kump B Bil	Jumlah responden Bil	Peratus
Luzon	18	23	41	82%
Visayas	4	2	6	12%
Mindanao	2	-	2	4%
Bicol	1	-	1	2%
	25	25	50	100%

2.2.2 Taburan umur semasa berhijrah.

Responden yang termuda adalah 16 tahun sementara yang tertua adalah 45 tahun. Kebanyakan responden (78%) berada di dalam lingkungan umur 21 hingga 35 tahun semasa berhijrah untuk bekerja di Malaysia lihat jadual 2.2). Penemuan kajian ini adalah sama dengan pendapat Jansen (1970:14) yang mengatakan bahawa orang dewasa di antara 20 hingga 34 tahun adalah amat cenderung berhijrah berbanding dengan kategori umur yang lain.

Jadual 2.2: Taburan umur semasa berhijrah.

	Kump A Bil	Kump B Bil	Jumlah responden Bil	Peratus
16-20 tahun	1	1	2	4%
21-25 tahun	8	3	11	22%
26-30 tahun	8	10	18	36%
31-35 tahun	4	6	10	20%
36-40 tahun	1	4	5	10%
41-45 tahun	3	1	4	8%
	25	25	50	100%

2.2.3 Taraf perkahwinan.

Kebanyakan responden (62%) pernah berkahwin dan mempunyai anak. Di antara responden yang pernah berkahwin, lima orang dari kumpulan B telah berpisah dari suami mereka sementara dua orang lagi adalah balu. (lihat jadual 2.3)

Jadual 2.3: Taraf perkahwinan.

	Kump A Bil	Kump B Bil	Jumlah responden Bil	Peratus
Bujang	10	9	19	38%
Kahwin	15	9	24	48%
Berpisah	-	5	5	10%
Balu	-	2	2	4%
	25	25	50	100%

Pembantu rumah Filipina adalah berbeza daripada pembantu rumah tempatan kerana kebanyakan wanita tempatan yang menjadi pembantu rumah masih bujang (Roslina, 1988/89:26). Ramai wanita Filipina rela berpisah dari keluarga mereka untuk datang bekerja di sini kerana ingin memperolehi pendapatan yang lebih tinggi untuk menampung perbelanjaan keluarga mereka. Keinginan untuk berhijrah adalah lebih kuat bagi mereka yang balu dan yang telah berpisah daripada suami mereka kerana mereka perlu menyara anak-anak.

2.2.4 Keluarga

a. Latarbelakang suami.

Dari 24 responden yang bersuami, 92% suami berada di Filipina sementara yang lainnya di Arab Saudi. Pekerjaan dua orang suami di Arab Saudi adalah juruteknik elektrik dan pemandu kereta. Gaji suami tersebut adalah di antara RM500 dan RM600. Gaji suami di Arab Saudi adalah melebihi gaji suami-suami di Filipina. Kebanyakan suami (8 orang) di Filipina adalah petani. Yang lain-lainnya bekerja sebagai tukang kayu, pembuat sabun, agen insuran, pekerja kilang, peniaga, juruteknik elektrik, pekerja kilang, pekerja binaan, pegawai keselamatan, tukang kasut, penjual ikan dan pekerja Jabatan kerjaraya. Pekerjaan suami di Filipina dan gaji mereka dapat dilihat dengan jelas dalam jadual 2.4.

Pekerja binaan

Pegawai

keselamatan

Tukang kayu

Pengasas

Jabatan kerjaraya

Penjual ikan

Tukang kasut

Pembuat sabun

Agensi insurans

Jumlah

Jadual 2.4: Kerja dan pendapatan bulanan suami responden

Kumpulan A.

	RM101- RM200	RM201- RM300	RM301- RM400	RM401- RM500	Tidak pasti	Jumlah
Tukang kayu	-	1	1	-	-	2
Petani	1	-	1	2	2	6
Pembuat sabun	-	-	-	-	1	1
Agen insuran	1	-	-	-	-	1
Pekerja kilang	1	-	1	-	-	2
Peniaga	1	-	-	-	-	1

Kumpulan B.

Juruteknik elektrik	-	-	1	-	-	1
Pekerja kilang	-	-	-	1	-	1
Pekerja binaan	-	-	-	1	-	1
Pegawai keselamatan	-	1	-	-	-	1
Tukang kasut	1	-	-	-	-	1
Penjual ikan	-	1	-	-	-	1
Pekerja Jabatan kerjaraya	1	-	-	-	-	1
Petani	-	-	-	1	1	2
Jumlah	6	3	4	5	4	22

Tiga responden kumpulan A dan seorang responden kumpulan B kurang pasti tentang pendapatan suami mereka terutamanya petani. Ini adalah kerana petani tidak mempunyai pendapatan yang tetap pada setiap bulan. Pendapatan petani adalah mengikut musim. Pendapatan akan diperolehi pada musim

menuai setelah hasil pertanian dijual. Pada hari-hari lain sedikit sebanyak makanan seperti sayur-sayuran akan diperolehi dari ladang untuk keluarga.

Kebanyakan kerja suami responden adalah jenis kolar biru dan pendapatan mereka adalah kurang daripada responden (lihat jadual 2.4 dan 3.2). Gaji yang lebih tinggi adalah faktor utama yang menarik wanita-wanita Filipina yang telah berumahtangga berhijrah untuk bekerja di sini.

b. Latarbelakang anak.

Kesemua responden yang pernah berkahwin mempunyai anak. Dua orang balu dan lima orang wanita yang telah berpisah dari suami terpaksa menanggung kos hidup kesemua anak mereka. Kebanyakan wanita (sepuluh orang) mempunyai tiga orang anak (lihat jadual 2.5)

Jadual 2.5: Jumlah anak

	Kump A Bil	Kump B Bil	Jumlah responden Bil
1 orang	5	2	7
2 orang	1	5	6
3 orang	5	5	10
4 orang	2	1	3
5 orang	-	2	2
6 orang	1	-	1
7 orang	1	1	2
	15	16	31

Kebanyakan responden mempunyai anak yang masih kecil ketika mereka datang ke sini. Sebelas orang responden dari kumpulan A mempunyai anak dalam lingkungan umur satu hingga lima tahun pada masa ini. Ini bermakna bahawa pada ketika mereka berhijrah ke sini anak-anak mereka masih kecil lagi, iaitu dalam lingkungan satu hingga lima tahun. Sembilan orang responden kumpulan B mempunyai anak dalam lingkungan umur enam hingga sepuluh tahun pada masa kini. Ini bermakna bahawa pada ketika responden kumpulan B mula-mula datang ke sini lebih kurang lima tahun dahulu, kebanyakan mereka mempunyai anak yang masih kecil seperti responden kumpulan A iaitu di dalam lingkungan umur satu hingga lima tahun.

Salah satu sebab wanita Filipina sanggup berpisah dengan anak-anak mereka yang masih kecil untuk datang bekerja di sini adalah untuk memperolehi gaji yang lebih banyak supaya dapat memberi kehidupan yang lebih baik kepada anak-anak mereka di masa hadapan. Misalnya dengan wang yang dapat dikumpul mereka mungkin boleh memberi anak-anak mereka pendidikan yang tinggi.

3.3.4 Taraf Pendidikan.

Pembantu rumah Filipina mempunyai pendidikan yang lebih tinggi daripada pekerja rumah Indonesia (Ghani, 1997). Menurut Ghani (1997), responden kumpulan A mempunyai pendidikan yang lebih tinggi daripada responden kumpulan B. Responden kumpulan A mempunyai pendidikan yang lebih tinggi daripada responden kumpulan B. Responden kumpulan A mempunyai pendidikan yang lebih tinggi daripada responden kumpulan B.

Jadual 2.6: Penjaga anak

	Kump A Bil	Kump B Bil	Jumlah responden Bil
Suami	3	3	6
Ibu bapa	3	8	11
Mertua	3	-	3
Suami dan ibu bapa	2	-	2
Suami dan mertua	2	4	6
Adik-beradik dan ibu bapa	1	-	1
Ibu bapa dan mertua	1	-	1
Kakak ipar	-	1	1
	15	16	31

Lapan orang responden dari kumpulan A dan tiga orang responden dari kumpulan B meletak anak-anak mereka dibawah jagaan ibu bapa masing-masing terutamanya balu dan responden yang telah berpisah dari suami. Selain daripada ibu bapa responden, suami dan mertua responden juga membantu menjaga anak-anak ketika responden bekerja di Malaysia (lihat jadual 2.6).

2.2.5 Taraf pendidikan.

Pembantu rumah Filipina mempunyai pendidikan yang lebih tinggi daripada pembantu rumah Indonesia (Dorall dan Raja Paramasivam, 1992:19). Hampir kesemua responden (98%) pernah memperolehi pelajaran sekolah menengah, malah 20% daripada responden adalah lepasan universiti. Secara

perbandingan ramai pembantu rumah tempatan tidak pernah bersekolah. Pembantu rumah Filipina yang terdapat dalam kajian Roslina (1988/89:25) juga memperolehi pendidikan sampai ke universiti.

Ramai wanita tempatan yang mempunyai taraf pendidikan yang rendah memilih pekerjaan pembantu rumah kerana tidak berupaya mencari pekerjaan yang lain (Roslina, 1988/89:30). Keadaan pembantu rumah Filipina adalah berbeza. Pembantu rumah Filipina sebenarnya berupaya memperolehi pekerjaan lain iaitu pekerjaan berkolar putih di negara sendiri tetapi mereka memilih untuk menjadi pembantu rumah di luar negeri kerana gaji yang boleh diperolehi adalah jauh lebih tinggi (lihat jadual 2.9).

Jadual 2.7: Taraf pendidikan.

	Kump A Bil	Kump B Bil	Jumlah responden Bil Peratus	
Sekolah rendah	-	1	1	2%
Sekolah menengah	8	13	21	42%
Pernah masuk universiti	10	8	18	36%
Lepasan universiti	7	3	10	20%
	25	25	50	100%

Seperti yang ditunjukkan dalam jadual 2.7 seramai 36% responden pernah masuk universiti tetapi tidak mampu habis pelajaran mereka sehingga menjadi siswazah kerana menghadapi masalah ekonomi.

Selain daripada pelajaran akademik, responden juga mempunyai kemahiran yang lain. Dua orang responden adalah graduan dari sekolah vokasional yang mahir dalam bidang mengunting rambut, menjahit pakaian dan pemeliharaan kuku (manicure). Seramai sepuluh orang responden dari kumpulan A dan lapan orang responden dari kumpulan B mempunyai kemahiran-kemahiran seperti mengunting rambut, menjahit pakaian, membuat kraftangan, menaip, menggunakan komputer, membuat kasut dan persolekan.

Jelas bahawa ramai pembantu rumah Filipina berpendidikan tinggi dan berkemahiran walaupun mereka bekerja sebagai pembantu rumah yang sering dipandang rendah sebagai pekerjaan yang dijalankan oleh orang yang tidak berpelajaran.

Kemahiran	1	2	3	4
Jururangsang	1	1	2	4%
Pekerja Kilang		2	3	6%
Petani	1	1	2	4%
Pengasah	2	8	10	20%
Pembantu Rumah	3	1	4	1%
Perdagangan	3	5	8	16%
Pelajar	1	2	3	6%
	26	25	50	100%

2.2.6 Pekerjaan dahulu.

Jadual 2.8: Taburan pekerjaan dahulu

	Kump A Bil	Kump B Bil	Jumlah responden Bil	Peratus
Guru	3	1	4	8%
Ahli perangkaan	1	-	1	2%
Setiausaha	1	-	1	2%
Jururawat	1	-	1	2%
Kerani pejabat	3	2	5	10%
Jurujual	2	-	2	4%
Tukang jahit	1	-	1	2%
Tukang kasut	-	1	1	2%
Pegawai keselamatan	1	1	2	4%
Juruwang	1	1	2	4%
Pekerja kilang	1	2	3	6%
Petani	1	1	2	4%
Peniaga	2	8	10	20%
Pembantu rumah	3	1	4	8%
Surirumahtangga	3	5	8	16%
Pelajar	1	2	3	6%
	25	25	50	100%

Kebanyakan responden (20%) merupa peniaga sebelum mereka datang ke Malaysia. Jenis perniagaan yang diceburi oleh mereka adalah perniagaan runcit, penjualan sayur-sayuran dan buah-buahan. Lebih ramai responden kumpulan B pernah menjadi peniaga di negara asal mereka sebelum mereka

datang ke sini berbanding dengan responden kumpulan A (lihat jadual 2.8).

Seramai 16% responden adalah surirumahtangga sebelum mereka berhijrah untuk bekerja sebagai pembantu rumah. Fenomena surirumahtangga menjadi aktif dalam pasaran buruh antarabangsa menunjukkan pekerjaan pembantu rumah di seberang laut menawarkan insentif ekonomi yang amat menarik kepada wanita-wanita Filipina. Walau bagaimanapun keadaan ini berbeza dari pembantu rumah Indonesia; tidak ramai orang Filipina ini yang tergolong ke dalam kategori surirumahtangga sebelum mereka datang ke Malaysia (Zakiyah, 1991/92:39 dan Dorall dan Raja Paramasivam 1992:23)

Di antara tiga orang responden kumpulan A yang pernah bekerja sebagai pembantu rumah, seorang daripada mereka pernah bekerja di Singapura sementara dua orang lagi di Filipina. Seorang responden kumpulan B pernah menjadi pembantu rumah di Kuwait. Juruwang dan pekerja kilang dari kumpulan A juga pernah bekerja sebagai pembantu rumah. Ini bermakna dari jumlah 50 orang responden, seramai enam orang mempunyai pengalaman sebagai pembantu rumah. Jumlah mereka ini adalah lebih kurang sama dengan pembantu rumah Indonesia. (Zakiyah, 1991/92:39).

Jadual 2.8 menunjukkan tiada responden yang menganggur sebelum mereka berhijrah ke sini. Keadaan ini adalah secocok dengan motif kerja dalam konteks migrasi; iaitu seseorang yang mempunyai pekerjaan di sesuatu tempat mungkin berhijrah ke tempat lain untuk mencari kerja yang lebih baik iaitu kerja yang menawarkan gaji yang lebih

tinggi(lihat jadual 2.9).Dalam keadaan ini orang tersebut dikatakan "tertarik" oleh tarikan kerja yang lebih baik di tempat lain walaupun beliau tidak menghadapi sebarang ancaman akan kehilangan pekerjaan di tempat asalnya (Jansen,1970:21).

2.3 Sebab-sebab memilih pekerjaan pembantu rumah

2.3.1 Sebab-sebab memilih menjadi pembantu rumah di luar negeri.

Responden memberi beberapa sebab mereka memilih untuk menjadi pembantu rumah di luar negeri. Bagi 80% responden sebab utama memilih untuk berbuat demikian adalah kerana gaji adalah lebih tinggi daripada gaji yang boleh diperolehi daripada kerja asal mereka di Filipina.

Selain daripada tujuan ekonomi,responden (24%) juga ingin memperolehi suatu pengalaman yang baru. Peluang untuk mengembara ke tempat lain juga merupa salah satu sebab 18% responden mengambil peluang bekerja di seberang laut.Ramai responden tidak pernah ke luar negeri sebelum mereka datang ke sini jadi peluang pekerjaan ini adalah menarik kepada mereka.

Bagi lima orang responden yang ingin bekerja di luar negeri, pembantu rumah merupa pekerjaan tunggal yang terbuka kepada mereka.Seorang responden berkata adalah lebih mudah untuk memperolehi pekerjaan pembantu rumah di luar negeri berbanding dengan jenis pekerjaan yang lain. Tiada responden memilih untuk menjadi pembantu rumah kerana menganggapnya sebagai suatu pekerjaan yang mudah kerana

tidak perlukan kemahiran yang tertentu.

Jadual 2.9: Sebab-sebab memilih menjadi pembantu rumah di luar negeri.

	Kump A Bil	Kump B Bil	Jumlah responden Bil	Peratus
Satu-satunya pekerjaan yang terbuka	4	1	5	10%
Peluang mengembara	6	3	9	18%
Kerja mudah	-	-	-	-
Gaji lebih tinggi	17	23	40	80%
Pengalaman baru	8	4	12	24%

2.3.2 Sebab-sebab memilih Malaysia.

Penulis juga meninjau mengapa responden memilih untuk bekerja di Malaysia dan bukan di negara-negara lain seperti Hong Kong, Singapura atau Arab Saudi pada hal gaji adalah lebih tinggi di negara tersebut.

Jadual 2.10: Sebab-sebab memilih Malaysia.

	Kump A Bil	Kump B Bil	Jumlah responden Bil	Peratus
Dekat negara asal	9	2	11	22%
Iklim sama	4	5	9	18%
Kawan/saudara-mara bekerja di sini	9	9	18	36%
Kawan/saudara-mara akan datang bekerja di sini	1	5	6	12%
Kawan/saudara-mara tinggal di sini	-	2	2	4%
Galakan dari pembantu rumah yang pernah kerja di sini	7	2	9	18%
Diajak oleh agen di Filipina	3	2	5	10%
Lebih mudah datang ke Malaysia	2	4	6	12%

Ramai responden (36%) memilih untuk datang ke Malaysia kerana mempunyai kawan-kawan dan saudara-mara yang bekerja sebagai pembantu rumah di sini. Ada juga (12%) yang datang kerana mereka mempunyai kawan-kawan dan saudara-mara yang akan datang bersama untuk bekerja di sini. Keadaan ini menjadi lebih menarik kepada responden yang datang ke sebuah negara asing untuk bekerja kerana sekiranya menghadapi masalah mereka mungkin dapat pertolongan daripada kawan-kawan atau saudara-mara mereka.

Jarak yang dekat antara Filipina dan Malaysia juga adalah sebab utama responden (22%) memilih untuk datang ke Malaysia. Penerbangan ke Malaysia cuma mengambil lebih kurang tiga jam sahaja pada masa kini. 18% responden juga

memilih Malaysia kerana iklimnya yang sama dengan Filipina.

Galakan dari pembantu rumah Filipina yang pernah kerja di Malaysia juga menjadi salah satu sebab yang mendorong 18% responden datang ke sini. Di antara perkara yang didengar oleh responden ini adalah tentang majikan yang baik, rakyat Malaysia yang bersifat mesra dan Malaysia sebuah negara yang menarik. Lebih ramai responden (tujuh orang) kumpulan A mengakui bahawa berita yang diterima oleh mereka dari pembantu rumah yang pernah bekerja di sini telah mendorong mereka untuk datang bekerja di sini berbanding dengan responden (dua orang) kumpulan B. Ini mungkin adalah kerana responden kumpulan A cuma datang dalam masa satu dua tahun kebelakangan sahaja, maka sebelum mereka lebih ramai wanita-wanita Filipina telah datang bekerja di sini. Jadi responden kumpulan A lebih berpeluang untuk mendapat berita tentang keadaan kerja di sini daripada mereka yang pernah datang ke sini.

Dua belas peratus responden memilih Malaysia kerana lebih mudah untuk datang ke negara ini berbanding dengan negara-negara lain yang ada permintaan terhadap pembantu rumah Filipina. Wanita yang ingin datang ke sini dibenarkan membayar secara ansuran kepada agen pekerjaan setelah mula bekerja. Bayaran secara ansuran tidak dibenarkan untuk mereka yang ingin bekerja di tempat lain. Bayaran yang perlu dijelaskan kepada agen juga adalah kurang berbanding dengan agen bagi pekerja ke negara lain seperti Hong Kong dan Kanada. Syarat-syarat datang ke sini juga adalah kurang iaitu tidak semestinya mempunyai pengalaman

kerja sebagai pembantu rumah seperti yang dikehendaki untuk bekerja di Kanada. Proses memperolehi kerja di Malaysia juga adalah lebih cepat mungkin kerana tidak ada syarat-syarat yang ketat.

Agen pekerjaan juga memainkan peranan penting menggalakkan responden (10%) datang ke Malaysia. Tiga orang responden datang ke Malaysia kerana tiada pilihan lain. Seorang terpaksa mengikut majikannya yang datang dari Filipina, sementara seorang lagi kerana sepupunya yang menjadi agen pengambilan di Malaysia telah menguruskan proses penghijrahannya dan memberinya diskaun 50% atas kos mencarikan beliau kerja. Seorang lagi lebih suka bekerja di Singapura tetapi tidak dapat bekerja di negeri itu semula pada masa ini kerana beliau baru habis kerja di sana selama dua setengah tahun.

Dua orang responden memilih Malaysia kerana mereka mempunyai kawan-kawan dan saudara-mara yang tinggal di sini setelah berkahwin dengan rakyat Malaysia. Dua orang responden lain memilih Malaysia kerana negara ini aman iaitu tiada risiko perang seperti di Timur Tengah dan tiada letupan gunung berapi seperti di Filipina.

2.4 Proses mendapat kerja

2.4.1 Punca maklumat kerja.

Ramai responden (74%) memperolehi maklumat tentang kerja pembantu rumah di Malaysia melalui agen-agen pekerjaan di Filipina. Cuma segelintir sahaja yang mengetahui tentang kerja tersebut daripada iklan dalam media massa. (lihat

Jadual 2.11).Ini menunjukkan agen pekerjaan memainkan peranan penting dalam proses pengambilan pembantu rumah Filipina ke negara ini. Dua buah agensi pengambilan tempatan memberitahu penulis bahawa mereka ada menghantar agen-agen ke Filipina untuk mencari pekerja ketika ditemubual pada Julai 1992. Agensi berbuat demikian dengan harapan dapat mencari bakal pembantu rumah yang baik untuk majikan tempatan. Penemuan kajian ini selaras dengan pendapat Tharan (1992:15) yang mengakui peranan penting agen dalam proses pengupahan dan penghijrahan.

Tharan memberitahu penulis bahawa ada ramai wanita Filipina yang telah berkahwin dengan rakyat Malaysia akan balik ke Filipina untuk mencari pembantu rumah untuk majikan tempatan. Di antara wanita tersebut, ada yang pernah bekerja sebagai pembantu rumah di sini. Ini adalah kerana kos pengambilan yang lumayan boleh diperolehi oleh mereka. Di dalam kajian ini hanya seorang sahaja responden yang mendapat maklumat mengenai kerja pembantu rumah di Malaysia daripada wanita yang telah berkahwin dengan rakyat Malaysia.

Jadual 2.11: Punca maklumat kerja.

	Kump A Bil	Kump B Bil	Jumlah responden Bil	Peratus
Agensi di Filipina	20	17	37	74%
Wanita Filipina yang berkahwin dengan rakyat Malaysia	-	1	1	2%
Iklan dalam media massa di Filipina	1	1	2	4%
Pembantu rumah yang pernah kerja di sini	5	1	6	12%
Kawan/saudara- mara di Filipina	4	1	5	10%
Kawan/saudara- mara di Malaysia	-	2	2	4%

2.4.2 Bayaran kepada agensi pekerjaan.

a. Punca kewangan utama.

Kebanyakan responden (64%) terpaksa menjelaskan semua bayaran dahulu sebelum datang bekerja di sini dan responden yang mesti membayar wang pendahuluan menggunakan wang simpanan sendiri untuk membayar kepada agensi. Bagi beberapa orang responden, di samping mengguna wang simpanan sendiri mereka juga meminjam daripada suami, saudara-mara, kawan-kawan dan peminjam wang untuk memperolehi wang yang mencukupi (lihat jadual 2.12). Seorang responden terpaksa menjual tanah dan binatang ternakan kerana wang simpanannya tidak cukup untuk menjelaskan kos pengambilannya yang berjumlah RM1400 kepada agen.

Jadual 2.12: Punca kewangan utama.

	Kump A Bil	Kump B Bil	Jumlah responden Bil	Peratus
Sendiri	18	14	32	64%
Suami	3	-	3	6%
Peminjam wang	1	2	3	6%
Saudara-mara	5	3	8	16%
Kawan	2	2	4	8%

b. Jumlah bayaran kepada agen.

Kebanyakan responden tidak membayar melebihi RM3000 kepada agen pengambilan (lihat jadual 2.13). Cuma seorang responden kumpulan B yang dikehendaki membayar RM4000. Keadaan responden ini jelas menunjukkan eksploitasi oleh pihak agen yang terlibat. Dua orang responden tidak membayar kepada agen kerana seorang diambil bekerja secara langsung oleh majikan sementara seorang lagi ikut majikannya yang datang bekerja di sini dari Filipina.

Jadual 2.13: Jumlah bayaran kepada agen.

	Kump A Bil	Kump B Bil	Jumlah responden Bil	Peratus
RM501-RM1000	2	1	3	6%
RM1001-RM1500	6	8	14	28%
RM1501-RM2000	6	5	11	22%
RM2001-RM2500	5	6	11	22%
RM2501-RM3000	5	3	8	16%
RM4000	-	1	1	2%
Tiada	1	1	2	4%
	25	25	50	100%

Jumlah bayaran yang berbeza-beza adalah kerana agen pekerjaan berlainan dan mereka mempunyai keinginan untuk memperolehi untung yang berbeza.

c. Corak bayaran.

Ada tiga jenis cara bayaran kepada agensi. Cara yang paling popular ialah menjelaskan wang pendahuluan sebelum datang ke sini dan kemudian membayar bakiya secara ansuran setelah mula bekerja di sini. Cara bayaran kedua adalah bayaran secara ansuran setelah mula bekerja di sini iaitu tidak perlu menjelaskan wang pendahuluan sebelum datang. Menurut responden kedua jenis cara bayaran ini hanya ada untuk wanita yang ingin datang bekerja di sini sahaja. Cara bayaran ketiga adalah responden dikehendaki menjelaskan semua bayaran kepada agen dahulu sebelum boleh datang bekerja di sini (lihat jadual 2.14).

Jadual 2.14 : Corak bayaran

	Kump A Bil	Kump B Bil	Jumlah responden Bil Peratus	
Bayar wang pendahuluan sahaja	15	18	33	66%
Tidak perlu bayar wang pendahuluan	5	4	9	18%
Menjelaskan semua bayaran di Filipina	4	2	6	12%
Tiada	1	1	2	4%
	25	25	50	100%

Dua orang responden tidak membayar kepada agen kerana mereka tidak mendapat kerja mereka melalui usaha agen (lihat 2.4.2:b)

Kesemua responden menjelaskan bayaran ansuran mereka dengan cara potongan gaji. Ada agensi tempatan yang menghendaki majikan membuka beberapa keping cek tarikh hadapan (post dated) untuk mereka bila wanita Filipina mula bekerja dengan majikan. Sebagai contoh, sekiranya pembantu rumah dikehendaki menjelaskan hutangnya dalam masa lima bulan iaitu RM300 sebulan, maka majikan dikehendaki membuka lima keping cek tarikh hadapan dalam jumlah RM300 sekeping untuk lima bulan yang akan datang untuk agen. Kemudiannya majikan akan memotong gaji pembantu rumahnya sebanyak RM300 sebulan selama lima bulan. Dalam keadaan demikian boleh dikata bahawa majikan telah mengambilalih hutang pembantu rumah yang baru tiba.

Beberapa agen pula meminta majikan mengirinkan cek kepada mereka pada setiap bulan setelah mereka memotong gaji Pembantu rumah mereka. Ada juga agen yang menyuruh pembantu rumah Filipina membayar ansuran mereka terus kepada agen bila mereka telah menerima gaji .

Bagi agen tempatan yang mendapatkan pekerja dari agen di Filipina , mereka terpaksa membuat persiapan untuk menghantar bayaran ansuran yang diterima dari pembantu rumah kepada agen tersebut. Agen tempatan yang ditemubual oleh Penulis tidak memberitahu penulis dengan terperinci tentang cara mereka berhubung dengan agen di Filipina.

d. Bayaran penuh sebelum datang

Tiga orang responden kumpulan A yang perlu menjelaskan kesemua bayaran dahulu sebelum datang dikehendaki membayar di antara RM1700 dan RM2000. Seorang lagi responden kumpulan A hanya membayar RM800 sahaja kerana agen pekerjaan di Malaysia yang menguruskan proses penghijrahannya adalah sepupu beliau. Oleh itu responden ini dapat diskaun 50% daripada kos yang biasa dikenakan kepada pekerja yang lain.

Dua orang responden kumpulan B terpaksa membayar RM1400 dan RM2000. Responden yang membayar RM1400 inilah yang terpaksa menjual tanah dan binatang ternakannya bagi memperolehi jumlah yang mencukupi untuk dibayar kepada agen pekerjaan sebelum beliau datang.

e. Wang pendahuluan.

Seramai 15 orang responden dari Kumpulan A dan 18 orang responden dari kumpulan B terpaksa menjelaskan wang Pendahuluan sebelum datang bekerja di sini (lihat jadual 2.15). Kebanyakan tidak membayar melebihi RM1500 sebelum datang ke sini kecuali seorang responden kumpulan B yang dikehendaki membayar RM2000 sebelum datang kerana kos Pengambilan beliau adalah sebanyak RM4000.

Jadual 2.15: Wang pendahuluan.

	Kump A Bil	Kump B Bil	Jumlah responden Bil
RM101-RM500	1	11	12
RM501-RM1000	12	2	14
RM1001-RM1500	2	4	6
RM2000	-	1	1
	15	18	33

Kebanyakan wang pendahuluan yang dibayar oleh responden sebelum mereka datang ke sini adalah lebih kurang separuh daripada jumlah kos pengambilan yang diminta oleh agen (lihat jadual 2.16).

Jadual 2.16: Peratus wang pendahuluan dari kos mencari kerja.

	Kump A Bil	Kump B Bil	Jumlah responden Bil
10%-19%	-	3	3
20%-29%	4	3	7
30%-39%	1	5	6
40%-49%	4	-	4
50%-59%	2	6	8
60%-69%	2	-	2
70%-79%	1	1	2
83%	1	-	1
	15	18	33

f. Tempoh bayaran ansuran.

Tempoh bayaran ansuran adalah ditentukan oleh agen pekerjaan. Salah satu faktor yang dipertimbang oleh agen dalam menentukan tempoh bayaran ansuran adalah jumlah hutang Pembantu rumah.

Ansuran adalah dibayar oleh responden yang telah menjelaskan wang pendahuluan sahaja dan oleh mereka yang tidak membayar apa-apa sebelum datang ke sini; iaitu sebanyak 20 responden kumpulan A dan 20 responden kumpulan B. Hampir kesemua responden dikehendaki menjelaskan hutang mereka dalam masa lebih kurang setengah tahun.

Jadual 2.17: Tempoh bayaran ansuran.

	Kump A Bil	Kump B Bil	Jumlah responden Bil
1 bulan	1	-	1
3 bulan	5	5	10
4 bulan	1	6	7
5 bulan	2	2	4
6 bulan	5	5	10
7 bulan	1	2	3
8 bulan	3	1	4
9 bulan	1	-	1
10 bulan	1	-	1
12 bulan	-	1	1
	20	22	42

Waktu yang terpendek untuk menjelaskan hutang adalah sebulan sementara waktu yang terpanjang adalah

setahun (lihat jadual 2.17).

g. Jumlah bayaran ansuran

Kebanyakan responden (27 orang) terpaksa membayar di antara RM200 hingga RM300 sebulan kepada agen. Terdapat dua orang responden yang diberi kelonggaran membayar mengikut kehendak responden asalkan mereka menjelaskan hutang dalam tempoh 4 bulan hingga 12 bulan. Responden tersebut tidak dapat memberitahu mengapa mereka diberi kelonggaran tersebut (lihat jadual 2.18)

Jadual 2.18 : Jumlah bayaran ansuran setiap bulan

	Kump A Bil	Kump B Bil	Jumlah responden Bil
RM100-RM200	2	5	7
RM201-RM300	16	17	27
RM301-RM400	2	4	6
Bebas	-	2	2
	20	22	42

Di antara 33 orang responden yang menjelaskan wang pendahuluan sebelum datang ke sini, didapati 42% daripada responden telah membayar lebih dari jumlah yang telah dipersetujui pada awal kontrak. Dalam satu kes seorang responden sepatutnya membayar RM1650 kepada agensi. Responden tersebut dibenar membayar RM500 sebagai wang pendahuluan sebelum datang ke Malaysia dan membayar bakinya dalam tempoh empat bulan iaitu dengan bayaran sebanyak RM400 sebulan. Justeru itu jumlah sebenar yang akhirnya dibayar oleh responden adalah sebanyak RM2100 iaitu melebihi jumlah

yang telah dipersetujui pada awal kontrak.

Penulis mendapati mereka yang membayar lebih tidak membantah. Ramai tidak sedar bahawa mereka telah membayar lebih. Sekiranya sedar pun, mereka tidak dapat berbuat apa-apa. Keadaan ini menunjukkan salah satu lagi jenis penyelewengan yang wujud dalam sistem pengambilan pembantu rumah Filipina.

Ada juga yang membayar kurang daripada jumlah yang telah dipersetujui di Filipina. Ini melibatkan dua orang responden kumpulan B. Penulis berpendapat bahawa mungkin responden tersebut telah tersilap memberi maklumat kerana tidak munasabah bahawa responden yang mengambil masa yang panjang untuk menyelesaikan hutang mereka akan diberi diskaun oleh agensi. Salah seorang responden tersebut adalah responden yang dikehendaki membayar RM4000 tetapi akhirnya beliau membayar RM3520 sahaja.

Di antara sembilan orang responden yang datang tanpa membayar dahulu, dua orang dari kumpulan A dan tiga orang dari kumpulan B akhirnya membayar lebih dari jumlah yang telah dipersetujui sebelum datang ke Malaysia. Yang selainnya pula membayar jumlah yang telah ditetapkan sebelum berhijrah.

2.5 Persediaan untuk memulakan kerja di Malaysia.

2.5.1 Persediaan di Filipina.

Penulis mendapati kebanyakan responden (68%) mendakwa bahawa mereka pernah diberitahu tentang kerja mereka oleh agen pekerjaan di Filipina sebelum mereka datang

ke sini. Mengikut undang-undang di Filipina semua bakal pembantu rumah di seberang laut mesti menerima keterangan tentang kerja mereka dan negara yang ditujui oleh mereka dari pihak Philippine Overseas Employment Administration (POEA) sebelum mereka pergi. Tetapi cuma 16% responden sahaja yang mendapat sebarang keterangan atau taklimat dari pihak POEA.

Hampir kesemua responden hanya memperoleh beberapa jam keterangan sahaja dari pihak agensi sebelum mereka datang ke sini. Mereka berkata mereka telah diberitahu tentang undang-undang imigrasi Malaysia, tugas dan hak mereka sebagai seorang pembantu rumah, pergi kepada agen tempatan sekiranya ada masalah, budaya tempatan dan cara mengguna peralatan yang sering ada dalam rumahtangga rakyat Malaysia seperti mesin pembasuh dan sebagainya.

Ramai daripada responden tidak menerima persediaan yang mencukupi sebelum mereka datang ke sini kerana masa yang dikhaskan untuk persediaan adalah kurang mencukupi dan keterangan juga kurang lengkap. Selain daripada itu, mungkin juga responden kurang menumpukan perhatian terhadap persediaan yang disediakan untuk mereka.

2.5.2 Persediaan di Malaysia.

Kebanyakan responden (88%) yang sampai di sini akan dijemput oleh agen tempatan dari lapangan terbang Subang dan dibawa ke rumah agensi yang disediakan khas untuk pembantu rumah Filipina yang belum dijemput oleh majikan. Responden berada di rumah agensi selama lebih kurang satu

hingga dua hari sebelum dijemput oleh majikan mereka.

Agen-agen yang ditemubual oleh penulis berkata bahawa wanita Filipina akan berada di rumah agensi selama lebih kurang seminggu sebelum dijemput oleh majikan. Pada masa ini, pembantu rumah Filipina akan diajar cara-cara menjalankan tugas mereka seperti memasak masakan tempatan dan mengguna perkakas elektrik yang biasa terdapat dalam rumah rakyat tempatan. Sekiranya responden cekap dan telah bersedia dari segi mental, maka majikan boleh menjemput mereka lebih awal lagi. Ketika di rumah agensi segala kos hidup wanita Filipina adalah ditanggung oleh pihak agensi.

Enam orang responden yang lain terus pergi ke rumah majikan bila tiba di Malaysia. Di antara mereka ini adalah Marilyn yang pernah bekerja dengan majikannya ketika di Taiwan dan responden yang mengikut majikannya datang dari Filipina.

Selain daripada enam orang responden yang pergi terus ke rumah majikan bila tiba dan empat orang responden yang lain, responden yang lain berkata bahawa mereka ada diberitahu oleh agen tempatan tentang kerja mereka dan perkara-perkara lain yang telah pun diberitahu kepada mereka ketika di Filipina .

Kesemua responden tidak dibawa oleh majikan atau agen tempatan untuk berhubung dengan pihak Kedutaan Filipina bila tiba di sini. Ini bermakna bahawa pihak Kedutaan tidak memainkan peranan dalam menyediakan responden untuk kehidupan kerja di sini. Justeru itu kedudukan agen amat penting dalam proses menyediakan wanita Filipina untuk kerja

mereka memandangkan agen sahaja yang mempunyai hubungan dengan pekerja-pekerja ini sejak kebanyakan mereka tiba ke negara ini.

Keadaan sedemikian membolehkan agen-agen yang tidak jujur mengeksploitasikan wanita Filipina tanpa diketahui oleh pihak berkuasa. Ada wanita Filipina yang disuruh oleh agen-agen untuk membersihkan rumah mereka dan pejabat dengan alasan memberi latihan kepada mereka.

Pada kebiasaannya agen tempatan akan menyelaraskan proses penghijrahan bagi wanita Filipina dan oleh itu mereka tidak perlu pergi ke Jabatan Imigresen. Walau bagaimanapun lapan orang responden kumpulan A dan tiga responden kumpulan B mendakwa bahawa mereka telah dibawa ke Jabatan Imigresen oleh agen mereka untuk menyelaraskan proses penghijrahan mereka.

Setelah tiba di sini, kebanyakan responden tidak dibenarkan keluar dari rumah agensi sebelum mereka mula kerja. Hanya dua orang responden sahaja yang pernah dibawa keluar berjalan-jalan di sekeliling bandar oleh agen mereka pada ketika mereka tinggal di rumah agensi. Selain daripada itu, enam orang responden berkata bahawa majikan mereka ada membawa mereka keluar bersiar-siar sebelum mereka memulakan kerja mereka.

Persediaan kerja yang diberi kepada wanita Filipina ketika di Filipina dan setelah tiba di Malaysia adalah cetek sahaja tetapi kebanyakan responden berjaya untuk mengendalikan tugas-tugas mereka setelah lebih kurang dua tiga bulan. Responden akan belajar dari majikan mereka

cara-cara menjalankan tugas mengikut kehendak majikan. Secara umum, boleh dikata bahawa kebanyakan responden berjaya untuk menjalankan tugas mereka dengan baik dan kurang menghadapi masalah dalam perhubungan dengan majikan. Perbincangan lebih lanjut tentang pekerjaan dan masalah yang dihadapi oleh responden akan dibincang dalam Bab 3.

malaysia. Eropah dan Amerika telah responden dalam kajian ini bekerja dengan majikan Melayu atau orang Melayu. Ini menunjukkan bahawa ada juga peluang untuk orang Melayu yang bekerja dengan orang Melayu. Pihak yang bertanggungjawab menentukan bilik bilik pekerja Filipina, pekerja tidak mempunyai pilihan lain itu.

Kekurangan bilangan pembantu rumah Filipina yang bekerja dengan majikan yang berketurunan Melayu bukan kerana ada undang-undang tertentu yang menetapkan syarat-syarat tertentu. Pihak yang bertanggungjawab pada peringkat ini mereka tidak mengizinkan pembantu rumah Filipina yang kebanyakannya berasal dari katolik untuk bekerja dengan majikan Melayu. Yang berketurunan Melayu kerana ingin melindungi gaya hidup mereka yang mungkin timbul akibat kedatangan mereka dalam bilik bilik mereka. Pihak yang ingin gaya orang Melayu ada orang Melayu yang ingin mendapatkan perkhidmatan pembantu rumah Filipina, mereka boleh berbuat demikian kerana mereka telah mempunyai perancangan dan perjanjian dengan pembantu rumah mereka. Mereka akan bekerja dengan orang Melayu yang mungkin akan mereka.

Selanjutnya, pihak yang bekerja dengan orang Melayu

BAB 3 KEHIDUPAN DI TEMPAT KERJA.

3.1 Latar belakang majikan.

3.1.1 Etnik majikan.

Kebanyakan majikan responden adalah orang Cina (82%). Yang lain-lainnya bukan orang tempatan tetapi dari Australia, Eropah dan Amerika. Tiada responden dalam kajian ini bekerja dengan majikan Melayu yang beragama Islam. Namun begitu ada juga sebilangan kecil wanita Filipina yang bekerja dengan orang Melayu. Pihak agen pekerjaan yang bertanggungjawab menentukan etnik majikan pekerja Filipina, pekerja tidak mempunyai pilihan dalam hal ini.

Kekurangan bilangan pembantu rumah Filipina yang bekerja dengan majikan yang beretnik Melayu bukan kerana ada undang-undang tertentu yang menetapkan syarat sedemikian. Pihak imigresen mendakwa bahawa pada peringkat awal mereka tidak menggalakkan pembantu rumah Filipina yang kebanyakannya beragama Katolik untuk bekerja dengan majikan Melayu yang beragama Islam semata-mata kerana ingin mengelakkan sebarang perselisihan yang mungkin timbul akibat daripada perbezaan dalam nilai dan pengamalan agama. Walau bagaimanapun sekiranya ada majikan Melayu yang ingin mendapatkan perkhidmatan pembantu rumah Filipina, mereka boleh berbuat demikian asalkan mereka telah mempunyai pemahaman dan perjanjian dengan pembantu rumah mereka berkenaan dengan corak kehidupan yang diharapkan oleh majikan.

Beberapa pihak agen pekerjaan mendakwa bahawa

tiada masalah dari segi agama yang muncul akibat daripada majikan Melayu menggunakan perkhidmatan pembantu rumah Filipina asalkan pada mulanya pekerja telah diberitahu tentang corak kehidupan seorang Islam yang penting seperti berkenaan dengan hal makanan haram dan sebagainya. Ada agen yang menyediakan syarat tambahan dalam kontrak kerja untuk pekerja Filipina yang bekerja untuk majikan Melayu. Syarat tersebut menyatakan bahawa pembantu rumah Filipina dilarang membawa barang-barang tidak halal seperti daging babi ke dalam rumah majikan dan berkhutbah agama Kristian di rumah majikan.

Di dalam kajian ini tiada seorang pun pembantu rumah Filipina menghadapi masalah akibat perbezaan etnik dengan majikan. Sebaliknya ada seorang pembantu rumah yang dijumpai oleh penulis di gereja St. Francis Xavier yang mempunyai perhubungan yang baik dengan majikannya yang beretnik Melayu. Pembantu rumah tersebut tidak dilarang oleh majikannya untuk mengunjungi gereja untuk upacara sembahyang dan pekerja tersebut pula telah berhenti memakan daging babi semenjak bekerja dengan majikannya kerana majikannya dapat menghidu bau babi pada tubuhnya sekiranya beliau pernah makan daging tersebut. Perhubungan mesra wujud di antara majikan dan pembantu rumah tersebut kerana mereka bertimbangrasa dan menghormati antara satu sama lain.

3.1.2 Agama majikan.

Jumlah majikan yang beragama Buddha dalam kajian ini melebihi majikan yang beragama Kristian. Walaupun

kebanyakan majikan mengamalkan kepercayaan agama yang berbeza dengan responden tetapi tiada masalah yang muncul akibat daripada perbezaan tersebut.

3.1.3 Kehadiran majikan di rumah.

Kebanyakan responden (74%) mempunyai majikan lelaki dan perempuan yang bekerja di luar rumah pada siang hari dan cuma balik pada lewat petang sahaja. Oleh itu hampir keseluruhan tanggungjawab rumahtangga adalah diserahkan kepada budi bicara pembantu rumah.

Seramai 20% responden bekerja di rumahtangga di mana majikan perempuan sentiasa berada di rumah. Di antara majikan perempuan tersebut hanya seorang sahaja yang masih bekerja, yang lainnya merupa surirumahtangga sepenuh masa. Tiga orang responden bekerja dengan majikan yang terdiri daripada kedua suami isteri menghabiskan masa yang panjang di rumah. Di antara tiga pasangan majikan tersebut, dua pasangan telah bersara sementara pasangan yang lain menjalankan perniagaan penjualan ubat tradisional Cina di rumah mereka.

3.2 Pekerjaan dan masalahnya

3.2.1 Masa kerja.

Kontrak yang ditandatangani oleh pembantu rumah Filipina ketika mereka berada di negara asal mereka iaitu "Standard Employment Contract" yang dikuatkuasakan oleh Philippine Overseas Employment Administration (POEA), menyatakan bahawa pembantu rumah bekerja tidak melebihi dari sepuluh jam sehari dan perlu diberi masa tidur minima yang

berjumlah lapan jam berturut-turut. Walau bagaimanapun ramai pembantu rumah bekerja melebihi jumlah sepuluh jam sehari yang ditentukan dalam kontrak POEA.

Agen pekerjaan berpendapat bahawa pekerjaan domestik sukar untuk dihadkan masa kerjanya, jadi pembantu rumah harus bertimbangrasa dan melaksanakan kerja mereka sehingga tugas yang perlu diselesaikan telah tamat. Ketika agen mengambil wanita Filipina untuk bekerja sebagai pembantu rumah, pihak agen akan memberi alasan tersebut kepada mereka. Bakal pembantu rumah akan diberitahu oleh agen bahawa mereka harus bersedia untuk bekerja di antara lebih kurang pukul enam pagi sehingga pukul sembilan malam. Agen cuba menarik minat wanita Filipina dengan memberi penjelasan bahawa walaupun masa kerja adalah panjang tetapi sebenarnya kerja mereka kurang berat kerana mereka tidak bekerja tanpa berhenti-henti sepanjang waktu kerja. Sebaliknya mereka mempunyai masa untuk berehat diantara tugas seharian mereka.

Walaupun penyelewengan sedemikian sering berlaku dalam proses pengambilan pembantu rumah tetapi masih ramai wanita Filipina yang rela bekerja disini kerana peluang pekerjaan di sini menawarkan pendapatan yang jauh lebih tinggi daripada banyak jenis kerja lain di negara asal mereka. Tambahan juga jika mereka tidak menerima keadaan masa kerja sedemikian ada ramai lagi orang yang rela menerimanya, jadi kuasa tawar-menawar mereka menjadi lemah. Di samping itu ada juga yang percaya kenyataan agen tentang adanya rehat di antara tugas seharian.

Responden dalam kumpulan A memulakan kerja di

antara pukul 4.30 dan 7.00 pagi sementara responden kumpulan B memulakan kerja di antara pukul 5.30 dan 8.00 pagi. Waktu habis kerja bagi kesemua responden adalah diantara pukul 6.00 dan 11.00 malam. Ini bermakna bahawa jumlah masa kerja sehari mereka dalam kumpulan A adalah sebanyak 12 hingga 18 jam sementara mereka dalam kumpulan B adalah sebanyak 9 hingga 16 jam.

Kajian ini mendapati kebanyakan responden bekerja selama 16 jam sehari. Hanya dua orang sahaja dari kumpulan B yang tidak bekerja melebihi 10 jam sehari. Masa kerja yang berbeza adalah disebabkan oleh jumlah kerja yang berbeza. Walaupun kebanyakan responden mempunyai waktu kerja yang panjang tetapi tiada responden mengadu tentang hal ini. Ini mungkin kerana mereka mempunyai masa rehat di antara tugas seharian mereka.

3.2.2 Tugasan

a. Membeli-belah di pasar

Penulis mendapati kebanyakan responden (70%) tidak perlu pergi membeli makanan atau keperluan lain rumahtangga di pasar (lihat jadual 3.1). Ini mungkin kerana majikan ingin memilih makanan untuk keluarga mereka. Hanya 30% responden perlu menjalankan tugas membeli-belah di pasar. Dua puluh enam peratus responden perlu pergi sendiri sementara empat peratus pula pergi bersama majikan mereka.

Seorang responden kumpulan A menyatakan beliau merasa puas hati dengan tugas ini kerana majikan beliau sentiasa menyediakan senarai barang-barang yang perlu dibeli

bersama dengan harga untuk memudahkan responden membeli-belah. Wang akan diberi kepada responden terlebih dahulu sebelum responden pergi ke pasar. Responden berkata majikannya sentiasa memberinya wang berlebihan supaya ada baki untuknya selepas membeli barang-barang.

Kebanyakan responden tidak menghadapi masalah menjalankan tugas ini kecuali dua orang dari kumpulan A dan seorang dari kumpulan B ketika mereka baru datang. Responden-responden kumpulan A tersebut berkata mereka menghadapi masalah komunikasi iaitu peniaga-peniaga di pasar kurang memahami Bahasa Inggeris dan responden pula tidak memahami dialek tempatan. Maka responden terpaksa menggunakan isyarat tangan bila menghadapi masalah komunikasi. Responden kumpulan B kurang puas hati dengan tugas ini kerana kerap kali terpaksa menggunakan wang sendiri ketika membeli-belah kerana wang yang diberi oleh majikan tidak mencukupi.

Responden yang terpaksa pergi ke pasar tanpa dihantar oleh majikan tidak mengadu tentang kesukaran mengangkat barang-barang yang berat atau banyak.

Jadual 3.1: Membeli-belah di pasar.

	Kump A Bil	Kump B Bil	Jumlah responden Bil Peratus	
1.Tidak perlu	17	18	35	70%
2.Pergi sendiri	7	6	13	26%
3.Pergi dengan majikan	1	1	2	4%
	25	25	50	100%

b. Memasak

Kebanyakan responden (86%) perlu menjalankan tugas memasak untuk majikan mereka. Tiga puluh empat responden perlu menyediakan sarapan pagi, makan tengahari dan makan malam sementara enam responden cuma perlu menyediakan sarapan pagi dan makan malam sahaja. Biasanya responden yang tidak perlu menyediakan makan tengahari untuk majikan mereka akan membeli makanan untuk diri mereka dari luar atau memasak makanan yang mudah dimasak untuk diri mereka sendiri seperti "maggi mee" atau makan makanan ringan seperti biskut. Seorang responden kumpulan B diberi RM120 oleh majikannya pada setiap bulan untuk membolehkan beliau membeli makanan tengaharinya. Seorang lagi responden kumpulan B yang bekerja dengan orang putih berkata bahawa beliau telah biasa tidak makan tengahari kerana majikan perempuannya yang berada di rumah juga tidak makan tengahari. Kebanyakan responden tidak perlu menyediakan makan tengahari kerana majikan mereka tidak balik makan dari tempat kerja mereka. Seorang responden memberitahu penulis bahawa beliau tidak perlu menyediakan makanan tengahari untuk majikannya yang telah bersara kerana mereka akan keluar dari rumah pada siang hari.

Seramai tujuh orang responden tidak perlu menjalankan tugas memasak. Kebanyakan majikan perempuan responden tersebut yang merupa surirumahtangga sepenuh masa akan memasak untuk keluarga mereka. Seorang responden kumpulan A tidak perlu menjalankan tugas memasak kerana majikannya ada menggaji pembantu rumah Filipina yang lain

untuk menjalankan tugas memasak. Seorang wanita dari kumpulan B yang bekerja dengan majikan yang menjalankan perniagaan menjual ubat-ubat tradisional cina tidak perlu menjalankan tugas memasak kerana majikan perempuannya akan memasak di samping membantu menguruskan perniagaan.

Seorang responden kumpulan A dan seorang lagi dari kumpulan B hanya dikehendaki memasak sekali-kala sahaja iaitu ketika majikan perempuan mereka sibuk. Marie, responden dari kumpulan A walaupun diambil kerja sebagai pembantu rumah sebenarnya bekerja sebagai kerani di pejabat majikannya. Beliau hanya perlu memasak ketika pembantu Filipina lain bercuti. Pada hari-hari lain beliau hanya perlu membantu pembantu rumah yang lain menyediakan makanan bila ada masa lapang.

Oleh kerana hampir kesemua responden (82%) bekerja dengan majikan yang beretnik cina maka ramai responden perlu belajar masakan cina. Selain daripada dua orang responden kumpulan A yang pernah kerja dengan majikan yang beretnik cina ketika di Singapura dan Taiwan, yang selainnya tiada pengalaman memasak makanan cina. Responden yang bekerja untuk orang putih pula biasa memasak masakan barat.

Kebanyakan responden menyatakan bahawa mereka berupaya untuk memasak masakan yang diajar oleh majikan mereka selepas satu hingga dua bulan. Hanya tiga orang responden mengadu tentang majikan mereka yang cerewet yang tidak berpuashati dengan cara masakan mereka. Ini mungkin kerana responden tersebut masih belum cukup pengalaman memasak masakan cina seperti responden kumpulan B yang telah

bekerja di sini untuk masa yang lebih lama. Kebanyakan responden yang lain tiada aduan terhadap tugas ini. Seramai tiga orang responden daripada setiap kumpulan berkata bahawa majikan berpuashati dengan masakan mereka. Perasaan bangga jelas ternampak di kalangan mereka yang dipuji oleh majikan. Ada juga responden yang berasa gembira kerana majikan mereka membenarkan mereka memasak masakan Filipina untuk keluarga majikan sekali-sekala.

c. Membersihkan rumah

Tugas membersihkan rumah perlu dilakukan oleh kesemua responden kecuali dua responden dari kumpulan A. Responden tersebut adalah Marilyn (yang pernah kerja dengan majikannya ketika di Taiwan) dan Marie. Biasanya responden dikehendaki membersihkan lantai dan meja pada setiap hari kerja. Tugas-tugas lain seperti membersihkan tingkap dan almari biasanya dilakukan pada selang-selang hari atau bila kotor dan disuruh oleh majikan.

Hanya dua orang responden mengadu tentang kerja ini. Seorang responden kumpulan B mengadu bahawa anak-anak majikannya sentiasa mengotorkan lantai menyebabkan beliau terpaksa membersihkan rumah berulang-ulang kali. Responden kumpulan A pula mengadu tentang keletihan membersihkan rumah dan tangannya yang sakit kerana terpaksa mengelap lantai tiga kali sehari termasuk bilik mandi di rumah tiga tingkat. Seorang responden kumpulan B berkata kerja membersihkan rumah tidak susah kerana tempat di rumah pangsa tidak luas. Kebanyakan responden tidak melahirkan sebarang rasa

tidak puas terhadap tugas ini.

d. Mencuci dan menggosok pakaian.

Selain daripada Marie dan Marilyn, responden yang lain terpaksa mencuci dan menggosok pakaian. Kerja mencuci perlu dilakukan pada setiap hari kecuali pada hari kelepasan mereka. Selain daripada lima orang responden, yang lain ada mesin basuh untuk meringankan kerja mereka. Responden yang tiada mesin basuh untuk membantu mereka mengadu bahawa kerja membasuh sukar kerana ada banyak pakaian.

Tiga orang responden mengadu bahawa majikan mereka hanya membenarkan mereka menggunakan mesin basuh untuk kain-kain yang berat sahaja seperti kain cadar dan langsir. Seorang responden kumpulan B mengadu bahawa majikannya hanya membenarkan beliau menggunakan mesin basuh untuk mengeringkan pakaian sahaja untuk menjimatkan elektrik.

Kerja menggosok pakaian biasanya dilakukan pada selang hari kerana tiada begitu banyak pakaian untuk digosok pada setiap hari. Seorang responden kumpulan A mengadu bahawa majikannya menyuruh beliau menggosok segala-galanya termasuk kain cadar.

e. Penjagaan kanak-kanak

Seramai 58% responden perlu menjaga anak-anak majikan yang belum bersekolah iaitu di antara umur satu hingga enam tahun dan 44% responden bekerja dengan majikan yang mempunyai anak yang sedang bersekolah rendah iaitu di antara 7 hingga 12 tahun. Kebanyakan responden tidak

menghadapi masalah menjaga anak-anak majikan kecuali enam orang. Empat orang mengadu bahawa anak-anak majikan yang berada di dalam lingkungan 4 hingga 11 tahun nakal. Seorang responden pernah mengadu kepada majikan tentang kanak-kanak memukul beliau tetapi majikannya tidak percaya, jadi beliau tidak lagi mengadukan hal itu kepada majikannya. Ada responden berpendapat kanak-kanak menjadi nakal dan tidak menghormati pembantu rumah kerana ibubapa terlalu memanjakan mereka dan tidak memberi hak kepada pembantu rumah untuk mendisiplinkan mereka. Mungkin sikap majikan terhadap pembantu rumah juga mempengaruhi sikap kanak-kanak terhadap mereka. Kanak-kanak tidak akan menghormati pembantu rumah sekiranya ibubapa mereka tidak hormat kepada pembantu rumah.

Dua responden mengadu bahawa kanak-kanak di bawah jagaan mereka iaitu yang berumur setahun dan dua tahun sering menangis. Ini menyebabkan salah seorang responden tersebut tidak mempunyai cukup tidur pada waktu malam kerana bayi tidur bersamanya.

Enam orang lagi responden berkata mereka tidak mempunyai sebarang masalah dalam menjaga anak majikan. Dua orang responden yang terpaksa tidur bersama dengan bayi berkata mereka mempunyai tidur yang cukup dan bayi tidak selalu menangis. Seorang lagi responden hanya berjumpa anak majikannya yang berumur enam tahun pada hari minggu sahaja bila anak tersebut dibawa balik dari penjaganya. Seorang responden berkata ketiga-tiga kanak-kanak di bawah jagaannya yang berumur di antara dua hingga lima tahun tidak memberi masalah kepadanya sementara responden yang lain melayan

ketiga-tiga kanak-kanak yang berada di sekolah rendah seperti anak-anaknya sendiri. Marilyn yang menjaga kanak-kanak yang berumur dua tahun dan lima tahun mempunyai hubungan yang baik dengan mereka. Ini merupa sebab utama majikan lamanya menggajinya semula untuk menjadi pembantu rumah bila mereka berpindah dari Taiwan ke sini.

f. Membasuh kereta majikan

Tugas membasuh kereta majikan perlu dilakukan oleh 66% reponden. Kebanyakan (17 orang) responden perlu membasuh kereta majikan di waktu pagi sebelum majikan pergi kerja. Seramai empat wanita Filipina mesti membasuh dua kereta pada waktu pagi. Dua orang pembantu rumah lain perlu menglap dua kereta majikan pada setiap pagi sebelum majikannya menggunakan kereta dan hanya perlu membasuh kereta pada hujung minggu. Seorang responden mengadu bahawa majikannya menghendaki beliau membasuh kereta pada waktu tengahari di bawah panas matahari.

Sepuluh orang responden hanya dikehendaki membasuh kereta sekali seminggu sahaja. Di antaranya ada dua orang yang perlu membasuh dua kereta pada setiap kali. Dua responden perlu membasuh kereta dua kali seminggu; dan dua responden yang lain pula hanya perlu membasuh kereta sekali-sekala sahaja iaitu bila disuruh oleh majikan.

Seorang responden kumpulan A berkata bahawa setelah beliau balik dari bercuti di Filipina selama lebih kurang seminggu, majikannya tidak menyuruhnya membasuh kereta pada setiap pagi lagi. Ini adalah kerana ketika

ketiadaannya majikan beliau telah menjalankan segala tugas responden. Akibatnya majikan beliau menyedari betapa berat beban kerja seharian responden. Semenjak itu majikan responden telah mengambialih tugas mencuci kereta mereka.

g. Tugas-tugas lain.

Sepuluh orang responden perlu menyiram pokok-pokok di taman pada setiap hari; sementara empat orang responden hanya membantu majikan mereka menebas rumput atau membubuh baja sekali-sekala sahaja. Cuma seorang responden yang perlu menebas rumput sekali dalam masa seminggu mengadu letih menebas rumput dengan menggunakan mesin.

Seorang responden kumpulan A mesti memberi makanan dalam tin kepada anjing-anjing majikan sekali sehari di samping tugas menjaga anak-anak majikan, membersihkan rumah dan mencuci serta menggosok pakaian. Responden ini tiada sebarang aduan.

Seorang responden kumpulan B perlu pergi belajar bermain piano bersama dengan anak perempuan majikannya supaya beliau dapat mengajar anak majikan. Responden ini berasa gembira dengan peluang belajar bermain piano.

Seorang responden kumpulan A menjalankan tugas menaip untuk majikannya sekali-sekala bila majikannya sibuk. Responden akan dibayar sebanyak RM15 hingga RM20 setiap kali bergantung pada beban kerja. Responden berasa gembira dengan tugas tambahan ini yang memberinya peluang untuk memperolehi pendapatan yang lebih.

3.3 Ganjaran

3.3.1 Gaji

Bermula pada 1 Jan 1990, POEA menetapkan gaji pembantu rumah di seberang laut sebagai US\$200 (RM500) sebulan. Kajian ini mendapati kebanyakan responden (88%) memperolehi gaji RM500 dan lebih setiap bulan.

Undang-undang tidak menetap siapa harus membayar levy tahunan pembantu rumah Filipina sebanyak RM360, tetapi kebanyakan majikan akan memotong gaji responden sebanyak RM30 setiap bulan untuk membayar levy tersebut. Ada beberapa responden yang tidak perlu membayar levy kerana majikan mereka akan membayar. Ada juga responden yang tidak dipotong gaji setiap bulan tetapi mereka harus membayar levy itu sendiri bila sampai tempohnya.

Jadual 3.2: Gaji bulanan.

	Kump A Bil	Kump B Bil	Jumlah responden Bil	Peratus
RM400-RM450	5	1	6	12%
RM451-RM500	13	19	32	64%
RM501-RM550	2	3	5	10%
RM551-RM600	1	1	2	4%
RM650-RM700	3	-	3	6%
RM800	1	1	2	4%
	25	25	50	100%

Marilyn yang pernah kerja dengan majikannya ketika di Taiwan selama dua setengah tahun menerima gaji sebanyak RM700 sebulan sementara Marie yang juga menjadi kerani di

Pejabat majikannya menerima gaji sebanyak RM670 sebulan. Seorang responden kumpulan B memperolehi kenaikan gaji sehingga RM600 sebulan selepas bekerja selama tiga tahun dengan majikannya.

Penulis mendapati empat orang responden yang bekerja dengan orang barat memperolehi gaji yang lebih tinggi iaitu di antara RM600 hingga RM800 sebulan. Hasil kajian ini sama dengan persepsi beberapa responden yang menganggap majikan orang barat adalah majikan yang lebih baik kerana memberi gaji yang lebih tinggi.

Corak bayaran gaji majikan biasanya dipengaruhi oleh nasihat dari pihak agen pekerjaan. Ada agen yang menasihatkan majikan untuk membuka akaun di bank untuk pembantu rumah mereka dan membayar gaji dengan mengkreditkan akaun tersebut. Secara tidak langsung cara sedemikian dapat membolehkan majikan mengawasi aktiviti pembantu rumah mereka kerana majikan akan menyimpan buku bank pembantu rumah. Jadi setiap kali pembantu rumah ingin mengeluarkan wang mereka harus meminta buku bank dari pihak majikan. Agen pekerjaan berharap cara ini dapat mengurangkan risiko pembantu rumah melarikan diri mereka tanpa memberitahu majikan.

Ramai majikan membayar dengan tunai sahaja untuk mengelak daripada kerja-kerja tambahan membuka akaun di bank dan mengkreditkan wang ke dalam akaun pada setiap bulan. Kesemua responden kajian ini dibayar secara tunai oleh majikan mereka kecuali seorang responden yang dibayar dengan cara mengkreditkan akaun mereka.

3.3.2 Cuti.

Mengikut kontrak yang dikuatkuasakan oleh POEA, Pembantu rumah Filipina harus diberi sehari cuti dalam masa seminggu dan seboleh-bolehnya pada hari Ahad. Ini adalah untuk membolehkan pembantu rumah Filipina menghadiri upacara sembahyang pagi di gereja. Sekiranya pembantu rumah dikehendaki bekerja pada hari cutinya, majikan harus membayar gaji tambahan RM20 sehari untuk setiap hari cuti yang dilepaskan oleh pembantu rumah.

Pada praktiknya ramai pembantu rumah hanya diberi dua hari cuti sahaja dalam masa sebulan. Mereka hanya akan dibayar gaji tambahan sekiranya salah satu dari dua hari cuti tersebut terpaksa dilepaskan untuk membantu majikan.

Ramai wanita Filipina telah diberitahu oleh agen Pekerjaan tatkala di Filipina lagi bahawa mereka cuma diberi dua hari cuti sahaja dalam masa sebulan. Walaupun ada di antara mereka yang sedar bahawa ini adalah menyeleweng daripada kontrak POEA tetapi mereka rela menerima penyelewengan ini demi mendapat kerja.

Kajian ini mendapati separuh daripada responden (52%) memperolehi dua hari cuti sahaja dalam masa sebulan. Lima belas responden tersebut akan di bayar gaji tambahan sebanyak RM20 sementara dua orang lagi RM15 bagi setiap hari cuti yang dilepaskan. Responden lain (9 orang) yang memperolehi dua hari cuti sahaja dalam masa sebulan tidak pernah diminta oleh majikan mereka untuk melepaskan hari cuti mereka.

Di antara lapan belas responden yang memperolehi

empat hari cuti dalam masa sebulan, 13 orang tidak pernah melepaskan hari cuti mereka:sementara empat orang dibayar M\$20 bagi setiap hari cuti yang pernah dilepaskan oleh mereka.Seorang responden kumpulan A yang bekerja dengan majikan Amerika dibayar RM50 sehari bagi hari cuti yang pernah dilepaskan oleh beliau.

Penulis mendapati ada empat orang responden yang cuma diberi sehari cuti sahaja dalam masa sebulan. Seorang daripadanya dibayar RM40 bagi hari cuti yang dilepaskan,seorang lagi dibayar R15 dan dua orang dibayar M\$20.Seorang responden kumpulan A yang bekerja dengan majikan Amerika diberi cuti dua hari sebulan iaitu setiap hari Sabtu dan Ahad. Seorang responden dari kumpulan B diberi cuti setengah hari pada setiap hari Ahad dan sekiranya hari cutinya terpaksa dilepaskan beliau akan dibayar RM20 sehari.

Hasil kajian menunjukkan kebanyakan majikan (60%) telah melanggar syarat-syarat yang ditetapkan oleh POEA dengan cuma memberi sehari dan dua hari cuti sahaja dalam masa sebulan dan hanya membayar responden sekiranya responden melepaskan hari-hari cuti tersebut.Di samping itu ada juga majikan yang membayar kurang daripada RM20 sehari yang telah ditetapkan oleh pihak POEA.

Selain daripada hari cuti ada majikan yang membenarkan responden keluar dari rumah untuk menjalankan urusan peribadi.Beberapa pembantu rumah yang dijumpai di gereja St.Francis Xavier dibenarkan untuk pergi ke gereja pada waktu petang setelah selesai memasak makan malam

sekiranya ada latihan koir atau perjumpaan yang bercorak agama. Ada yang menyatakan bahawa mereka mendapat kebenaran dari majikan untuk melawat rakan-rakan mereka yang sakit seperti Mari Lou yang berada di hospital. Majikan mereka tidak cerewet dan bertimbangrasa. Mereka dibenarkan menyertai aktiviti luar sekiranya mereka telah menyelesaikan tugas mereka dan aktiviti yang disertai oleh mereka tidak bercorak negatif.

Kebanyakan responden kajian ini dibenarkan keluar pada hari-hari kerja untuk mengirih surat atau wang kepada keluarga mereka di Filipina setelah mereka dapat menyelesaikan tugas harian mereka. Responden cuma perlu memberitahu majikan terlebih dahulu sebelum mereka keluar. Ada juga responden yang dibenar pergi melawat kawan-kawan mereka atau pergi berjumpa agen pekerjaan. Biasanya responden akan keluar setelah menyelesaikan tugas menyediakan sarapan pagi, mencuci pakaian dan membersihkan lantai. Responden biasanya tidak keluar melebihi empat jam.

3.3.3 Bilik sendiri.

Kesemua responden kecuali tujuh orang dari kumpulan A mempunyai bilik sendiri. Ketujuh-tujuh responden tersebut perlu berkongsi bilik samada dengan anak-anak majikan, pembantu rumah yang lain, atau ibu majikan. Jadi kebanyakan responden mempunyai tempat peribadi sendiri untuk berehat tanpa gangguan.

3.3.4 Hadiah.

Selain daripada gaji kesemua responden ada menerima berbagai bentuk hadiah daripada majikan. Responden biasanya akan menerima hadiah atau wang pada musim-musim perayaan seperti hari Krismas, Tahun Baru Cina dan harijadi responden. Masa-masa lain di mana responden akan menerima hadiah adalah seperti selepas majikan balik dari bercuti di luar negeri. Kadang-kadang responden juga mendapat baju baru dan baju yang terpakai dari majikan. Baju-baju terpakai yang tidak dapat dipakai oleh responden akan dihantar balik kepada keluarganya di Filipia.

3.3.5 Kemudahan perubatan.

Mengikut syarat-syarat kontrak, majikan harus menanggung segala kos perubatan responden selama responden bekerja dengan majikan. Responden yang pernah jatuh sakit berkata majikan mereka ada membawa mereka berjumpa dengan doktor dan menanggung kos perubatan mereka. Seorang responden kumpulan B berkata majikan beliau yang berupa seorang doktor merawat beliau bila beliau sakit. Seorang responden kumpulan A memakan ubat-ubat yang dibawa dari Filipina bila beliau batuk dan selsema.

Kebanyakan responden yang pernah sakit hanya mempunyai penyakit yang biasa seperti demam, batuk dan selsema sahaja kecuali seorang responden yang sering mengalami sakit pada ibu jarinya yang menanah. Responden yang mengalami penyakit kulit tersebut berkata mungkin cecair Pembasuh pinggan yang digunakannya adalah terlalu kuat.

Responden ini berkata majikannya ada membawa beliau berjumpa doktor dan menanggung kos perubataanya.

3.3.6 Kemudahan lain

Sebahagian besar daripada majikan tidak cerewet iaitu mereka membenarkan responden menggunakan kemudahan-kemudahan yang ada di rumah seperti radio, televisyen, telefon, kolam renang alat-alat musik dan sebagainya. Malah dua orang responden disediakan radio dan televisyen dalam bilik masing-masing untuk hiburan mereka. Dua orang responden tersebut bekerja dengan orang barat yang kaya. Salah seorang responden tersebut juga diberi kemudahan meminjam wang oleh majikan untuk dihantar kepada keluarga di Filipina.

Dua orang responden diberi kemudahan menggunakan telefon majikan untuk menelefon balik ke Filipina asalkan mereka menanggung kos perbelanjaan tersebut. Enam orang majikan tidak membenarkan responden menggunakan telefon kecuali pada masa kecemasan sahaja tetapi membenarkan responden menerima panggilan. Kebanyakan majikan kurang suka Pembantu rumah membuat atau menerima panggilan telefon. Jadi kebanyakan pembantu rumah Filipina akan cuba menghubungi kawan-kawan mereka pada waktu siang ketika majikan tiada di rumah.

3.4 Masalah

Menurut beberapa agensi pekerjaan kebanyakan Pembantu rumah Filipina tidak menghadapi masalah yang serius di sepanjang masa kerja mereka di sini. Penyesuaian

yang sering diperlukan pada pihak majikan dan pekerja Filipina adalah cara pertuturan satu sama lain memandangkan sebutan Bahasa Inggeris kedua pihak adalah berbeza sedikit. Selain daripada penyesuaian bahasa, pekerja Filipina juga perlu mengatasi perasaan rindu mereka terhadap keluarga di Filipina. Menurut agen-agen pekerjaan, perasaan rindu paling ketara pada satu hingga enam bulan setelah tiba di Malaysia. Perasaan rindu yang mendadak pada masa tersebut akan menyebabkan ramai wanita Filipina cuba balik ke pangkuan keluarga mereka dengan memberi pelbagai alasan kepada majikan dan agen pekerjaan seperti anak-anak mereka sakit atau saudara-mara berkahwin. Menurut agensi pekerjaan wanita Filipina akan dapat menyesuaikan diri selepas lebih kurang enam bulan.

Di antara masalah serius yang pernah didengar adalah penganiayaan seks oleh majikan lelaki pembantu rumah (The Star, 11 Mac 1992). Dalam kajian ini, penulis hanya mendapati seorang responden kumpulan A yang bernama Victoria Pernah diganggu oleh majikan lelakinya.

Kes Victoria

Majikan lelaki Victoria cuba untuk memaksa beliau mengadakan perhubungan sulit dengan beliau walaupun majikannya tahu bahawa beliau telah berkahwin dan mempunyai anak. Menurut Victoria majikan lelakinya akan menelefonnya dari pejabat atau balik ke rumah bila isterinya telah keluar dan bertindak tidak senonoh terhadapnya. Victoria telah mengadu masalahnya kepada agen pekerjaan beliau tetapi

agen tidak percaya kepadanya. Akhirnya Victoria sendiri terpaksa menyelesaikan masalahnya.

Victoria telah membuat satu tawaran kepada majikan lelakinya. Sekiranya majikan ingin mengadakan perhubungan sulit dengan beliau, majikan harus memberinya sejumlah wang yang sama dengan pendapatannya dalam masa dua tahun. Jika majikannya enggan berbuat demikian majikannya haruslah berhenti mengganggunya. Sekiranya majikan masih mengganggunya, beliau akan memberitahu isterinya. Kini majikannya tidak mengganggunya lagi dan mereka telah menjadi kawan.

Victoria memberitahu penulis bahawa tujuan beliau meminta wang yang sebanyak gaji dua tahunnya adalah kerana beliau ingin memastikan bahawa kedatangan beliau ke sini tidak sia-sia sahaja. Sekiranya beliau dihantar balik ke Filipina bila perhubungannya dengan majikan diketahui oleh isteri majikan, sekurang-kurangnya beliau tidak balik tanpa sebarang ganjaran ekonomi.

Kes Mari Lou.

Selain daripada Victoria, penulis telah menjumpai satu kes penganiayaan yang serius. Seorang pembantu rumah yang bernama Mari Lou telah cuba membunuh dirinya dengan memotong saluran darah di pergelangan tangannya setelah bekerja selama lebih kurang dua bulan di sini. Penulis telah berjaya untuk berjumpa dengan Mari Lou ketika beliau berada di bahagian psikiatrik di Hospital Universiti.

Mari Lou yang berusia 24 tahun ketika penulis

menjumpainya mempunyai dua orang anak iaitu seorang anak perempuan berumur enam tahun dan seorang anak lelaki berumur sepuluh tahun. Kedua-dua anaknya dijaga oleh ibunya sewaktu beliau bekerja di sini kerana beliau telah berpisah dari suaminya. Mari Lou terpaksa datang bekerja di sini untuk mencari wang bagi menampung perbelanjaan keluarganya. Sebelum datang ke sini Mari Lou bekerja sebagai pelayan di sebuah restoran berdekatan dengan tapak tentera Amerika di Subic Bay. Bila tentera Amerika ditarik keluar dari pengkalan tersebut pada tahun 1991, tempat kerja Mari Lou telah ditutup kerana perniagaan merosot. Ini mengakibatkan Mari Lou kehilangan kerjanya.

Ketika di Malaysia, Mari Lou bekerja dengan sebuah keluarga cina yang beragama Buddha. Beliau dikehendaki memulakan kerjanya pada lebih kurang pukul empat pagi dan cuma boleh pergi tidur pada pukul 12 malam. Ini bermakna Mari Lou bekerja selama lebih kurang 20 jam setiap hari dan beliau tidak mempunyai cukup masa rehat di antara tugas sehariannya.

Pada setiap pagi Mari Lou terpaksa mencuci dua buah kereta majikannya di samping menyediakan sarapan pagi. Bila majikannya pergi ke pejabat, Mari Lou terpaksa ikut bersama untuk membersihkan pejabat majikannya. Bila pulang dari pejabat pada waktu petang, Mari Lou dikehendaki menyediakan makan malam dan membersihkan rumah. Tugas terakhir beliau sebelum tidur adalah mencuci pakaian. Beliau hanya dapat selesaikan tugasnya pada lebih kurang 12 malam kerana perlu mencuci dengan tangan. Di samping kerja-kerja

yang disebutkan tadi, Mari Lou juga mesti menjaga bayi majikannya.

Majikan perempuan Mari Lou sentiasa memarahinya dan mencacinya sambil menuding kepalanya dengan jari. Tindakan majikan ini amat menyakitkan hatinya. Sepanjang masa kerja Mari Lou di sini beliau tidak diberi hari cuti dan tidak dibenarkan pergi ke gereja. Beliau sentiasa dikurung dalam rumah bila majikannya tiada, jadi beliau tidak dapat berkenalan dengan kawan-kawan untuk meredakan perasaan sedihnya. Selain daripada itu, Mari Lou juga mengalami kejutan budaya bila melihat cara-cara sembahyang majikan seperti membakar colok. Mari Lou berasa takut melihat cara penyembahan majikannya.

Di samping masalah kerja, Mari Lou juga menghadapi masalah keluarga. Beliau sentiasa dilanda perasaan bimbang bahawa suaminya akan mengambil anak-anaknya. Pada hari Mari Lou cuba membunuh dirinya, beliau telah menerima surat daripada suaminya yang mengugut akan membawa anak lelaki mereka bersamanya ke tempat lain di Filipina. Ini amat membimbangkan Mari Lou kerana takut tidak dapat berjumpa anaknya lagi. Segala eksploitasi kerja yang dihadapi oleh Mari Lou ditambah dengan berita buruk yang baru diterimanya begitu menekannya sehingga mendorong beliau cuba membunuh dirinya untuk menyelesaikan masalahnya.

1 Temubual telah dijalankan pada April, 1993 dengan Mari Lou, pegawai di National Office For Human Development dan Tharan.

Selain daripada Mari Lou, pernah juga ada pembantu rumah Filipina yang cuba membunuh diri sendiri dan anak majikannya. Sebagai contoh, lihat akhbar The Malay Mail, 1 Disember 1990 dan The Star, 19 November 1992 dalam lampiran 1 dan 2.

3.5 Pertukaran majikan.

Beberapa agen pekerjaan mendakwa bahawa mereka membenarkan pembantu rumah menukar majikan sekiranya mereka tidak secocok dengan majikan yang sedia ada dalam masa enam bulan yang pertama. Penulis mendapati cuma seorang responden Kumpulan A pernah menukar majikan sejak mula bekerja di Malaysia. Responden tersebut menukar majikan kerana beliau ingin berpindah dari Johor ke Lembah Kelang di mana ada banyak kawan-kawannya.

Seramai lapan orang responden kumpulan B yang telah lama bekerja di sini pernah menukar majikan semenjak datang bekerja di Malaysia. Empat responden tersebut ingin memperolehi pengalaman baru bekerja dengan majikan yang lain. Seorang menukar majikan bila majikannya berhijrah ke Amerika. Hanya dua orang responden yang pernah menukar majikan kerana majikan mereka cerewet. Seorang lagi responden terpaksa menukar majikan kerana majikannya tidak mahunya lagi tetapi responden tidak memberitahu mengapa majikannya tidak mahu perkhidmatannya lagi.

Responden yang bertukar majikan hanya berbuat demikian selepas habis kontrak mereka iaitu selama dua atau tiga tahun. Kebanyakan responden bertukar majikan bukan

kerana menghadapi masalah dalam perhubungan dengan majikan mereka.

3.6 Perlanjutan kontrak.

Pada masa kini kontrak yang biasa di tandatangani di antara majikan dengan pembantu rumah Filipina adalah selama dua tahun. Selepas dua tahun, kontrak boleh diperlanjutan setiap setahun sehingga maksimumnya lima tahun. Selepas lima tahun wanita Filipina mesti balik ke Filipina dahulu sebelum mereka boleh memohon untuk kembali bekerja di sini selepas itu.

Kebanyakan responden kumpulan A yang baru bekerja selama lebih kurang dua tahun di sini menunjukkan minat untuk melanjutkan kontrak mereka. Sebab utama mereka tertarik untuk berbuat demikian adalah kerana ingin memperolehi lebih banyak wang sebelum mereka balik. Responden kumpulan B juga memberi alasan ekonomi sebagai punca utama mereka melanjutkan kontrak mereka. Selain daripada itu majikan yang melayan mereka dengan baik juga merupa faktor utama yang mendorong mereka untuk melanjutkan kontrak.

3.7 Tingkat kepuasan kerja.

Penulis telah menyediakan satu jadual dalam borang soal-selidik untuk mengukur tingkat kepuasan responden terhadap kerja mereka. Jumlah markah bagi keempat soalan akan diguna sebagai ukuran terhadap tingkat kepuasan responden terhadap kerja mereka iaitu seperti berikut:

<u>Tingkat kepuasan</u>	<u>Jumlah markah</u>
-------------------------	----------------------

Rendah	1 hingga 4
--------	------------

Sederhana	5 hingga 8
-----------	------------

Tinggi	9 hingga 12
--------	-------------

Penulis mendapati hampir kesemua responden (84%) menunjukkan tingkat kepuasan kerja yang tinggi. Cuma seorang responden kumpulan A sahaja yang amat tidak puas hati. Ini mungkin kerana responden tersebut sering dimarahi dan dicaci oleh majikannya dan gajinya hanya RM400 sebulan sahaja.

Walaupun responden mempunyai sedikit sebanyak rungutan terhadap kerja mereka dan majikan mereka tetapi secara umumnya mereka tidak menghadapi masalah yang serius dan amat puas hati dengan kerja masing-masing. Keadaan mereka adalah sama seperti pekerja-pekerja biasa yang sekali-sekala mempunyai perasaan tidak puashati terhadap kerja dan majikan tetapi secara umumnya merasa senang dengan hidup mereka.

BAB 4: KEHIDUPAN DI LUAR TEMPAT KERJA.

4.1 Pengenalan

Perhubungan di luar tempat kerja adalah amat penting kepada pembantu rumah Filipina. Perhubungan ini menghiburkan hati wanita Filipina di samping menyediakan tempat untuk mereka melepaskan tekanan kerja dan perasaan sunyi dan rindu terhadap keluarga mereka.

Perhubungan di luar tempat kerja yang paling penting sekali adalah perhubungan dengan pembantu rumah yang lain. Perhubungan dengan masyarakat tempatan tidak begitu erat sementara perhubungan dengan keluarga mereka di Filipina dikekalkan.

4.2 Perhubungan dengan pembantu rumah Filipina yang lain

Kesemua responden kajian ini mempunyai ramai kawan sesama mereka. Setiap orang ada lebih kurang 10 hingga 20 orang kawan. Selain daripada kawan, saudara-mara mereka juga ada yang bekerja di sini. Saudara-mara ini terdiri dari anak responden, anak saudara, ipar, adik-beradik dan emak saudara. Seramai 12 orang dari kumpulan A dan 10 orang dari kumpulan B mempunyai saudara-mara bekerja sebagai pembantu rumah di sini.

Dalam membincangkan perhubungan responden dengan Pembantu rumah Filipina yang lain, penulis akan membahagikan jalinan sosial mereka kepada dua jenis iaitu jalinan sosial yang formal dan tidak formal. Jaringan sosial tidak formal memainkan peranan yang lebih penting dalam kehidupan

responden di sini berbanding dengan jalinan sosial formal.

4.2.1 Jaringan sosial tidak formal.

a. Gereja.

Gereja dijadikan tempat pertemuan yang penting bagi ramai pembantu rumah Filipina di sini. Ini adalah kerana kebanyakan wanita Filipina adalah beragama Kristian dan mereka akan mengunjungi gereja pada hari Ahad untuk menghadiri upacara sembahyang pagi. Selepas upacara sembahyang, wanita Filipina akan bertemu dengan kawan-kawan dan saudara-mara mereka di perkarangan gereja. Selepas itu mereka biasanya akan pergi membeli-belah atau pergi ke pejabat agensi atau melakukan aktiviti lain bersama-sama. Oleh itu gereja memainkan peranan penting dalam mengeratkan perhubungan di kalangan pekerja Filipina.

Oleh kerana ramai pekerja Filipina mengunjungi gereja maka pihak gereja Katolik telah menubuhkan suatu Jawatankuasa di gereja St. John (Kuala Lumpur) dan St. Francis Xavier (Petaling Jaya) untuk memberi bantuan kepada mereka. Kedua jawatankuasa tersebut adalah dibawah Penyeliaan Filipino Services Secretariat (FSS) iaitu suatu cabang National Office For Human Development (NOHD). NOHD adalah sebuah pertubuhan kebajikan yang di bentuk oleh Archbishop gereja Katolik. Aktiviti FSS berpusat di gereja Katolik di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya kerana kebanyakan daripada pekerja Filipina tinggal disitu.

FSS mempunyai tiga peranan penting iaitu:

- a) Memenuhi keperluan rohani rakyat Filipina

b) Memenuhi keperluan sosial rakyat Filipina.

c) Memberi bantuan undang-undang kepada mereka yang memerlukannya.

Pada setiap hari Ahad kedua pada setiap bulan, suatu upacara sembahyang pagi khas (Special Mass) akan diadakan di gereja St. John. Upacara tersebut adalah khas untuk pekerja Filipina dari St. John dan juga dari St Francis Xavier (SFX). Peluang perjumpaan ini telah mewujudkan persahabatan yang baru dan juga mengeratkan perhubungan yang sedia wujud dikalangan pekerja Filipina.

Selain daripada upacara sembahyang, aktiviti lain juga dianjurkan untuk memenuhi keperluan rohani pekerja Filipina seperti "Fellowship". "Fellowship" adalah satu pertemuan untuk membincangkan persoalan keagamaan dan juga masalah peribadi pekerja Filipina. Tatkala bersama pekerja Filipina dapat memberi sokongan moral kepada satu sama lain.

Jawatankuasa di gereja ST. John dan St. Francis Xavier (yang terdiri daripada lebih kurang 25 orang dan 17 orang pembantu rumah) ada merancang jamuan, lawatan dan rancangan-rancangan budaya yang lain untuk pekerja Filipina. Penulis telah berpeluang untuk menyertai suatu lawatan ke Melaka yang dianjurkan oleh jawatankuasa dari gereja SFX pada 23 Mei 1993. Jamuan juga sering diadakan di gereja seperti jamuan harijadi dan selamat tinggal kepada pembantu rumah. Melalui pelbagai aktiviti tersebut, diharapkan pembantu rumah dapat berkenalan dengan lebih

ramai kawan dan menghiburkan diri mereka melalui aktiviti yang sihat.

Selain daripada memenuhi keperluan sosial dan rohani, FSS juga membantu dalam hal undang-undang. Sekiranya Pembantu rumah menghadapi masalah dan mereka membawa masalah tersebut kepada pihak gereja, pihak gereja akan cuba untuk menyelesaikannya. Contohnya, Encik Alicio yang bertugas sebagai penasihat kepada jawatankuasa di gereja SFX sentiasa cuba menjalin perhubungan yang baik dengan pembantu rumah supaya sekiranya mereka menghadapi masalah, mereka akan membawa masalah mereka kepada pihak gereja dan bukan melarikan diri. Di samping itu, Encik Alicio juga menjalin perhubungan baik dengan pihak majikan pembantu rumah yang menghadiri gereja SFX supaya sekiranya berlaku sebarang masalah dalam perhubungan pembantu rumah dan majikan mereka, masalah dapat diselesaikan dengan lebih mudah.

Sekiranya masalah yang dihadapi oleh pekerja Filipina adalah lebih serius seperti penganiayaan fizikal atau seks, maka pihak jawatankuasa di gereja akan membawa masalah tersebut kepada pihak NOHD atau Kedutaan Filipina. NOHD menerima bantuan dari beberapa peguam sukarela untuk membantu pekerja Filipina yang menghadapi masalah dan memerlukan pertolongan undang-undang.

b. Mini Manila.

Mini manila adalah nama jolokan yang diberi oleh segelintir masyarakat tempatan kepada suatu tempat letak kereta yang berhampiran kepada gereja ST. John kerana ramai

pekerja Filipina berkumpul di sini pada hari Ahad. Ramai pekerja Filipina akan berkumpul di sini pada pukul 10.30 pagi selepas sembahyang pagi di gereja St. John. Pekerja Filipina biasanya akan berada di sini dari hingga 2.00 petang.

Mini Manila adalah jaringan sosial tidak formal yang penting dalam kehidupan pembantu rumah Filipina terutamanya mereka di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Ramai pembantu rumah Filipina menjalankan pekerjaan sambil di sini untuk memperolehi pendapatan tambahan.

Kebanyakan responden kajian diperolehi dari sini. Mereka biasanya akan berada di sini selepas sembahyang pagi di gereja St. John sebelum pergi ke tempat lain bersama kawan-kawan Filipina. Responden akan berjumpa dengan kawan-kawan mereka di sini dan bertukar-tukar berita di samping menjamu selera dengan makanan Filipina yang di jual di sini.

Di Mini Manila ada seramai enam orang peniaga yang menjual makanan Filipina. Kebanyakan peniaga terdiri daripada rakyat tempatan yang beristerikan rakyat Filipina. Mereka menjual makanan di sini dengan menggunakan van, kereta dan teksi. Sejenis makanan Filipina yang bernama "balut" juga ada dijual oleh pembantu rumah disini. "Balut" adalah telur itik hampir menetas yang diawet. Ia dimakan bersama dengan garam dan dipercayai dapat memberi kekuatan dan menyempurnakan kesihatan. Biasanya tiga biji "balut" adalah dijual untuk harga RM10.

Di samping menjamu makanan yang dijual di sini, responden (28%) juga menggunakan perkhidmatan mengunting dan

mengerinting rambut yang disediakan oleh pembantu rumah Filipina. Pada setiap hari Ahad ada lebih kurang sepuluh orang pembantu rumah yang menyediakan perkhidmatan tersebut. Pembantu rumah yang terlatih ini mengenakan bayaran yang berjumlah lebih kurang RM20 hingga RM30 untuk perkhidmatan mengunting dan mengerinting rambut berbanding dengan bayaran RM30 hingga RM60 yang biasa dikenakan oleh kedai solek tempatan. Mungkin salah satu sebab bayaran yang dikenakan oleh peniaga sambilan ini adalah rendah kerana pelanggan sendiri terpaksa membasuh rambut mereka di rumah kerana di Mini Manila tiada kemudahan air. Tambahan juga perniagaan mereka tidak sah dari segi undang-undang kerajaan.

Perkhidmatan rambut, perkhidmatan memotong dan membersihkan kuku juga disediakan di sini oleh lebih kurang sepuluh orang pembantu rumah Filipina yang terlatih. Bayaran yang dikenakan oleh peniaga tersebut adalah RM5 untuk memotong dan membersihkan kuku jari dan RM10 untuk kuku jari kaki. Seramai 16% responden menggunakan perkhidmatan ini.

Selain daripada perniagaan yang disebut diatas, terdapat juga pembantu rumah yang menjual setem dan sampul surat di sini. Barang-barang tersebut adalah dijual dengan harga yang lebih mahal sedikit daripada harga pasaran seperti tambahan lima hingga sepuluh sen bagi setiap keping setem. Walau bagaimanapun pembantu rumah yang lain rela membelinya kerana mereka tiada masa membelinya di tempat yang lain dan juga kerana mereka ingin membantu pembantu rumah yang menjual.

Terdapat juga pembantu rumah Filipina yang menjual

pakaian di sini selain daripada rakyat tempatan. Ada wanita Filipina yang membantu peniaga tempatan menjual pakaian. Mereka yang berbuat demikian akan dibayar komisen sebanyak RM1 hingga RM3 bagi setiap helai pakaian yang dijual oleh mereka. Selain daripada itu ada juga wanita Filipina yang mendapat pakaian untuk dijual dari pembekal tanpa perlu membayar dahulu. Bila tamat menjual, wanita Filipina akan mengembalikan pakaian yang belum dijual kepada pembekal dan hanya perlu membayar kos atas pakaian yang berjaya di jual oleh mereka. Ada juga wanita Filipina yang menjual pakaian dalam, tuala dan pakaian lain dengan cara menunjukkan sampel dan mengambil pesanan dari pelanggan.

Barangan kosmetik dari Filipina juga ada dijual di sini oleh pembantu rumah Filipina. Selain daripada itu kosmetik berjenama Avon juga popular kerana di Filipina juga ada Avon. Wanita Filipina akan mengambil pesanan dari pelanggan yang kebanyakannya adalah kawan-kawan mereka yang berupa pembantu rumah dan kemudian mengambil stok dari kedai Avon tempatan.

Ubat untuk mengubati jerawat yang dibawa dari Filipina juga ada dijual oleh pembantu rumah Filipina. Selain daripada itu, ubat yang bernama "ponstan" untuk mengurangkan kesakitan juga ada dijual oleh sebilangan wanita Filipina untuk maksud berhentikan sakit gigi dan sebagainya. Di sini juga ada pembantu rumah Filipina yang menjual majalah dan kaset lagu dari Filipina. Selain daripada itu juga ada peniaga tempatan yang menjual kaset lagu tempatan di sini.

Pembantu rumah yang menjalankan perniagaan mengunting rambut dan membersihkan kuku di Mini Manila membayar lebih kurang RM2 kepada seorang lelaki Cina tua yang menjaga tempat letak kereta tersebut untuk membersihkan kawasan selepas perniagaan dan menyediakan tin-tin minyak tanah kosong untuk mereka duduk. Ada juga wanita Filipina yang membawa bersama bangku-bangku kecil yang boleh dilipat.

Ketika penulis menjalankan kajian di Mini Manila, pegawai-pegawai Bandaraya pernah mengunjungi tempat tersebut beberapa kali. Peniaga di sini mendakwa kononnya mereka terpaksa memberi rasuah kepada pegawai-pegawai Bandaraya untuk membolehkan mereka terus berniaga di sini. Peniaga yang menjual makanan dan lain-lain barangan membayar lebih kurang RM5 seorang sementara pembantu rumah yang menjalankan perniagaan mengunting rambut dan membersihkan kuku membayar RM2 kepada satu tabung bersama kononnya untuk diberi kepada pegawai-pegawai Bandaraya. Menurut peniaga di sini mereka harus memberi lebih kurang RM100 kepada pegawai Bandaraya pada setiap kali. Pembantu rumah Filipina yang menjalankan perniagaan mengunting dan mengerinting rambut serta pemeliharaan kuku hanya membayar lebih kurang RM2 sahaja mungkin kerana tempat perniagaan mereka adalah kecil dan mereka dapat menyimpan alat-alat mereka yang sedikit dan kecil dengan cepat bila nampak pegawai dari Bandaraya.

Ramai pekerja Filipina mengunjungi Mini Manila kerana dapat berjumpa dengan kawan-kawan dan saudara-mara mereka, disamping dapat membeli pelbagai barang dan perkhidmatan dari Mini Manila. Perhubungan yang erat di

kalangan pembantu rumah dan keinginan untuk saling bantu membantu telah membolehkan pembantu rumah menjalankan perniagaan sampingan.

Di dalam kajian ini ada tiga orang responden kumpulan A menjalankan perniagaan mengunting rambut dan membersihkan kuku di Mini Manila. Pendapatan mereka adalah di antara RM40 hingga RM100 sebulan. Seorang lagi responden kumpulan A mendakwa mendapat lebih kurang RM300 sebulan hasil penjualan barang-barang berkhasiat seperti vitamin di perjumpaan sosial pembantu rumah.

Lima orang responden kumpulan B bekerja secara sambilan di Mini Manila. Kegiatan kelima orang tersebut adalah seperti berikut:

- 1) Membantu sepasang suami-isteri menjual makanan Filipina yang telah siap dimasak. Responden dibayar RM25 sehari: jadi pendapatan tambahan bulanan beliau adalah RM100 kerana beliau mempunyai empat hari cuti sebulan.

- 2) Membersih dan memotong kuku. Responden ini bekerja empat hari sebulan dan pendapatan dari kerja ini adalah lebih kurang RM200 sebulan. Disamping Mini Manila beliau juga menjalankan perniagaannya di tempat kerja kawan-kawannya.

- 3) Menjual barang-barang dari Filipina seperti kosmetik, majalah dan sebagainya. Responden ini mendakwa boleh memperolehi lebih kurang RM500 hingga RM1000 sebulan. Beliau juga menjual

barang-barangnya di pertemuan sosial pembantu rumah yang lain selain daripada Mini Manila.

4) Menjual barang-barang kosmetik Avon, setem, sampul surat dan pakaian di Mini Manila dan di Kota Raya. Responden memperolehi lebih kurang RM100 sehari kerja.

5) Menjual seluar dalam wanita dan tuala. Beliau boleh memperolehi lebih kurang RM500 sebulan pada bulan-bulan tertentu.

Penulis mengesyaki segelintir responden tidak melaporkan pendapatan sebenar mereka kerana mereka keberatan untuk menjawab soalan tentang kegiatan sambilan mereka. Keadaan ini timbul mungkin kerana responden bimbang mereka akan menghadapi masalah sekiranya maklumat tentang kegiatan sambilan mereka diketahui oleh pihak berkuasa.

c. Kota Raya.

Kota Raya adalah sebuah pusat membeli-belah di Kuala Lumpur yang sering dikunjungi oleh pembantu rumah Filipina pada setiap hari Ahad. Tempat ini menjadi popular di kalangan pembantu rumah mungkin kerana ia berhampiran dengan beberapa buah stesen bas seperti perhentian bas Pudu Raya dan Klang. Ini memudahkan pembantu rumah menaiki bas balik selepas berjumpa kawan-kawan mereka di Kota Raya.

Suasana yang biasa dijumpai di Kota Raya pada hari Ahad adalah tangga di hadapan pusat tersebut dipenuhi oleh Pembantu rumah Filipina disamping rakyat tempatan. Ramai daripada wanita Filipina ini duduk di atas tangga sementara

menunggu kawan-kawan dan saudara-mara mereka. Ada juga yang duduk sambil berbual-bual dengan kawan-kawan mereka atau membaca dan menulis surat kepada keluarga mereka.

Beberapa responden akan mengunjungi Kota Raya setelah mereka habis membeli-belah dan aktiviti-aktiviti lain mereka. Ada yang berharap akan bertembung dengan kawan-kawan mereka di sini dan ada pula yang berehat di sini sambil berjumpa kawan-kawan mereka sebelum mereka balik.

Ada wanita Filipina yang dijumpai di sini memberitahu penulis bahawa mereka duduk di tangga Kota Raya untuk berehat dan menghabiskan masa sehingga sampai waktu untuk pulang iaitu pada lebih kurang pukul enam petang. Walaupun aktiviti mereka telah habis tetapi mereka tidak ingin pulang awal untuk berehat kerana sekiranya mereka pulang awal, mereka akan terasa tanggungjawab untuk memulakan kerja walaupun masa cuti mereka belum tamat lagi.

Oleh kerana ramai pembantu rumah Filipina mengunjungi Kota Raya maka pembantu rumah yang ada sifat keusahawanan berniaga di sini. Di antara barang-barang yang dijual oleh wanita Filipina di sini adalah setem, sampul surat, pakaian dan kosmetik. Di antara mereka yang berniaga di sini, ada yang berniaga di Mini Manila pada sebelah pagi.

d. Pejabat agensi.

Pejabat agensi pengambilan kerja juga adalah tempat berjumpa yang popular di kalangan pembantu rumah Filipina. Seramai 40% responden akan singgah di pejabat agensi untuk berjumpa kawan-kawan dan berehat setelah penat

bersiar-siar. Pejabat agensi juga adalah tempat untuk pembantu rumah merayakan harijadi dan sebagainya.

Pejabat agensi sememangnya memainkan peranan penting dalam mengeratkan perhubungan di antara pembantu rumah Filipina.

e. Disko.

Disko menjadi tempat penting untuk menjalin hubungan sosial di kalangan segelintir pembantu rumah Filipina di sini. Salah satu disko yang popular di kalangan pembantu rumah adalah "Voodoo" yang terletak di Jalan Ampang, Kuala Lumpur. Disko sedemikian dibuka pada sebelah petang pada hari Ahad untuk menarik pembantu rumah mengunjunginya. Pihak pengurusan di "Voodoo" juga mengadakan pelbagai aktiviti untuk menarik lebih ramai wanita Filipina mengunjunginya seperti mengadakan pertandingan ratu cantik di kalangan wanita Filipina. Disko telah menjadi salah satu tempat yang penting di kalangan sebahagian pembantu rumah Filipina sehinggakan ada pihak tertentu berpendapat bahawa lelaki yang ingin mengenali mereka akan pergi ke disko yang popular di kalangan wanita Filipina. Walau bagaimanapun, cuma 16% responden sahaja yang mengunjungi disko. Yang selainnya mempunyai sedikit sebanyak pandangan negatif terhadap disko.

4.2.2 Jaringan sosial formal.

a. Kedutaan Filipina.

Perhubungan di antara pembantu rumah dengan pihak Kedutaan kurang rapat. Hampir kesemua pembantu rumah yang sampai ke sini tidak pernah pergi ke premis Kedutaan di Jalan Changkat Kia Peng, justeru mereka tidak pernah menerima sebarang keterangan atau nasihat daripada Kedutaan tentang kerja mereka. Maka sekiranya ada sebarang eksploitasi atau penyelewengan dalam proses pengupahan, Kedutaan tidak akan tahu. Oleh itu mereka tidak dapat membantu.

Oleh kerana agen yang berhubung rapat dengan Pembantu rumah semenjak mereka tiba dan bukan pihak Kedutaan, maka kedudukan Kedutaan amat lemah dalam proses mengawasi keadaan dan mobiliti pekerja Filipina tersebut. Menurut seorang pegawai Kedutaan, pihak Kedutaan sepatutnya menyimpan paspot wanita Filipina yang bekerja di sini tetapi ramai agen tidak menyerahkan paspot tersebut kepada pihak Kedutaan. Menurut pegawai itu lagi, paspot yang disimpan oleh pihak Kedutaan sehingga 9 Jun 1993 hanyalah lebih kurang seribu sahaja. Oleh kerana itu sekiranya ada pembantu rumah yang dianiayai, mereka boleh dihantar balik ke Filipina oleh majkan atau agen tanpa pengetahuan pihak berkuasa.

Sebelum wanita Filipina datang ke sini bekerja, mereka ada diberi sekeping kertas yang lengkap dengan stem dan alamat Kedutaan di Malaysia. Pembantu rumah sepatutnya mengisi nama, tarikh mereka berada di Malaysia dan butir-butir peribadi yang lain di atas kertas tersebut sebelum mereka mengirimbkannya. Walau bagaimanapun ramai pekerja

Filipina tidak berbuat demikian dan ada juga yang mendakwa bahawa mereka tidak diberitahu tentang hal tersebut.

Pihak Kedutaan ada mengeluarkan kad pengenalan khas untuk pembantu rumah sebagai satu langkah tambahan untuk mengesahkan status sah mereka di Malaysia memandangkan kebanyakan mereka hanya ada permit kerja sahaja dan tiada paspot sendiri. Biasanya majikan atau agen akan menyimpan paspot pembantu rumah untuk mengelakkan mereka daripada "melarikan diri". Di samping itu langkah ini membolehkan pihak Kedutaan mengikuti perkembangan penghijrahan golongan ini.

Oleh kerana pihak Kedutaan tidak begitu berjaya menghubungi pembantu rumah secara langsung, maka mereka cuba berhubung dengan golongan ini melalui jalinan sosial yang lain. Salah satu cara yang penting adalah melalui gereja. Pihak Kedutaan mengadakan perjumpaan dengan pembantu rumah di gereja kerana ramai daripada mereka akan mengunjungi gereja. Di perjumpaan sedemikian, pihak Kedutaan berharap dapat membantu mereka yang menghadapi masalah dan mereka yang tidak memahami sebarang aspek pekerjaan mereka. Penulis telah menghadiri suatu perjumpaan sedemikian di gereja SFX pada 27 Jun 1993. Di antara perkara yang dibincang dalam Perbualan tersebut adalah seperti berikut:

- Kedutaan akan cuba menubuhkan POEA di sini untuk mengawal proses penghijrahan dan pengambilan pekerja Filipina.
- Cadangan untuk menubuh sebuah pusat untuk pekerja Filipina yang bermasalah akan ditimbang

oleh Kedutaan.

- Kedutaan menasihati pembantu rumah yang mempunyai masalah berjumpa dengan agen terlebih dahulu. Jika agen tidak dapat menyelesaikan masalah, barulah berjumpa dengan Kedutaan. Setengah pihak berpendapat tindakan Kedutaan ini seolah-olah ingin mengelak daripada tanggungjawab membantu pekerja Filipina. Pihak Kedutaan pula cuba mempertahankan diri mereka dengan alasan bahawa ada segelintir masalah yang dapat diselesaikan dengan lebih mudah oleh agen. Keadaan ini menunjukkan seolah-olah Kedutaan amat bergantung kepada pihak agen untuk menyelesaikan masalah pekerja Filipina.
- Ada cadangan kepada Kedutaan untuk menubuhkan suatu panel peguam untuk menasihati Kedutaan dalam hal-hal yang berkaitan dengan undang-undang. Kedutaan berkata bahawa mereka tidak mempunyai tabung untuk maksud tersebut tetapi mereka berjanji akan mengambil tindakan sekiranya ada kes-kes yang serius.
- Tharan, seorang penyelidik dan pekerja sukarelawan yang membantu pekerja Filipina ini, mencadangkan Kedutaan menganjurkan suatu seminar untuk menyediakan wanita Filipina untuk kehidupan dan kerja mereka di sini memandangkan ramai wanita Filipina tidak menghadiri seminar yang dianjurkan oleh pihak POEA sebelum mereka datang

ke sini. Dengan cara ini pihak Kedutaan berpeluang untuk berjumpa dengan pembantu rumah dan menasihati mereka untuk pergi kepada Kedutaan jika menghadapi masalah. Pihak Kedutaan bersetuju bahawa langkah mencegah ini adalah satu cadangan yang baik.

- Kedutaan akan berbincang dengan pihak agensi berkenaan cuti kebanyakan pembantu rumah yang cuma dua hari sebulan sahaja dan juga menggalakkan majikan membayar levy RM360 .
- Kedutaan mengingatkan rakyat Filipina bahawa mereka adalah tetamu negara ini jadi mereka harus mematuhi segala undang-undang Malaysia terutamanya undang-undang imigrasi. Ada pihak tertentu yang berpendapat bahawa sekiranya Kedutaan Filipina berpendapat demikian maka sia-sia sahaja segala usaha untuk memperbaiki keadaan pekerja Filipina di sini.
- Ada cadangan kepada Kedutaan untuk menguatkuasakan kontrak yang ditandatangani di Filipina untuk mengelakkan agensi-agensi tempatan memaksa pembantu rumah Filipina menandatangani kontrak lain di Malaysia yang mengeksploitasikan wanita-wanita Filipina.

Pihak Kedutaan seolah-olah kurang berjaya dalam mengambil langkah-langkah mencegah berlakunya penyelewengan. Ia cuba mengambil langkah "mengubati" iaitu cuba membantu wanita Filipina yang dianiayai dalam kes-kes yang serius

sahaja. Pihak Kedutaan antara lainnya cuba menghantar balik wanita Filipina yang telah melarikan diri dari majikan dan mereka yang telah ditangkap oleh pihak Imigresen balik ke Filipina.

4.3 Perhubungan dengan masyarakat tempatan.

Perhubungan di antara pembantu rumah Filipina dengan masyarakat tempatan kurang erat. Hampir kesemua responden tidak mempunyai kawan-kawan tempatan selain daripada majikan dan agen mereka. Hanya 36% responden sahaja mempunyai kawan-kawan tempatan. Mereka mengenali kawan-kawan tempatan melalui pembantu rumah Filipina yang lain, wanita Filipina yang berkahwin dengan rakyat tempatan, diperkenal oleh majikan dan agen, serta jiran-jiran.

Responden kurang berinteraksi dengan masyarakat tempatan kerana peluang untuk berjumpa adalah amat kurang memandangkan kebanyakan masa responden adalah dihabiskan dibawah bumbung majikan. Pada hari rehat pula responden biasanya bersama pembantu rumah yang lain. Rakyat Malaysia juga jarang berinteraksi dengan responden ketika di gereja kerana biasanya mereka akan balik atau sibuk dengan aktiviti sendiri selepas upacara sembahyang di gereja pada hari Ahad.

Bahasa juga merupa satu faktor yang menyukarkan komunikasi di antara sebahagian pembantu rumah dengan masyarakat tempatan. Ini adalah kerana sebahagian masyarakat tempatan kurang fasih berbahasa Inggeris dan sebaliknya. Cara pengucapan Bahasa Inggeris kebanyakan pembantu Filipina

juga adalah berbeza daripada masyarakat tempatan.

Interaksi yang kurang di antara masyarakat tempatan dengan pembantu rumah Filipina juga boleh dikaitkan dengan kesedaran kelas di kalangan masyarakat tempatan terutamanya kelas menengah dan atasan. Pembantu rumah Filipina dipandang rendah oleh segelintir lapisan masyarakat tersebut terutamanya mereka yang mengunjungi disko. Ini adalah kerana kehadiran di disko dikaitkan dengan kegiatan pelacuran.

Beberapa responden berasa tersinggung oleh tanggapan segelintir masyarakat tempatan bahawa pembantu rumah Filipina yang mengunjungi disko adalah terlibat dengan kegiatan pelacuran sambil atau bersedia untuk di "pick-up" oleh lelaki. Responden tersebut mengakui bahawa sememangnya ada wanita Filipina yang menjadi pelacur atau berkelakuan tidak senonoh tetapi bukan semua wanita Filipina adalah sedemikian. Jadi masyarakat tempatan tidak seharusnya ada pandangan negatif terhadap mereka terutamanya mereka yang mengunjungi disko. Ramai pembantu rumah mengunjungi disko semata-mata untuk menghiburkan diri mereka dan melepaskan diri dari rasa tertekan sama seperti yang dilakukan oleh masyarakat tempatan.

Penulis akan memfokus kepada kehidupan responden yang lebih peribadi iaitu teman lelaki mereka demi meninjau lebih lanjut lagi tentang perhubungan pembantu rumah Filipina dengan masyarakat tempatan. Tiada responden mengaku mempunyai teman lelaki tempatan tetapi penulis mengesyaki segelintir daripada mereka mungkin ada. Ini adalah kerana

penulis memerhatikan bahawa beberapa responden amat mesra dengan kawan lelaki tertentu. Penulis berpendapat responden tidak mahu mengaku mempunyai teman lelaki tempatan kerana bimbang majikan mereka akan tahu dan tidak suka. Mungkin juga responden berasa malu untuk mengakui kerana telah berkahwin. Selain daripada itu responden mungkin keberatan untuk mengakui sekiranya mereka mempunyai teman lelaki tempatan kerana menganggapnya sebagai hal yang amat peribadi.

Selain daripada responden sendiri, penulis juga ingin tahu samada responden mempunyai kawan-kawan atau saudara-mara mereka yang juga bekerja sebagai pembantu rumah, mempunyai teman lelaki tempatan. Di dapati cuma seorang responden kumpulan A dan B mempunyai saudara-mara mempunyai teman lelaki tempatan. Sementara itu, lima responden kumpulan A dan tujuh responden kumpulan B mempunyai kawan-kawan yang mempunyai teman lelaki tempatan.

Fenomena di mana pembantu rumah Filipina berkahwin dengan rakyat Malaysia juga timbul. Seramai 28% responden mempunyai kawan-kawan dan saudara-mara yang asalnya pembantu rumah berkahwin dengan lelaki tempatan. Beberapa peniaga di Mini Manila juga mempunyai isteri dari Filipina yang asalnya adalah pembantu rumah. Seorang pembantu rumah yang dijumpai oleh penulis ketika mengikuti rombongan dari gereja SFX ke Melaka telah bersuamikan seorang India yang beragama Islam. Ada responden yang menyatakan bahawa mereka rela berkahwin dengan rakyat Malaysia dan menetap di sini.

Seringkali terdengar bahawa kebanyakan teman

lelaki dan suami pembantu rumah Filipina adalah beretnik India tetapi hakikat ini kurang menonjol di kalangan kawan-kawan dan saudara-mara responden. Teman lelaki dan suami kawan-kawan dan saudara-mara responden adalah daripada etnik India, Cina dan Melayu. Yang ketara cumalah etnik India dan Cina melebihi Melayu.

Walau bagaimanapun penulis mendapati lebih ramai lelaki India di tempat-tempat yang sering dikunjungi oleh ramai pembantu rumah Filipina seperti Mini Manila dan disko "Voodoo". Ada wanita Filipina yang berpendapat bahawa kebanyakan teman lelaki pembantu rumah adalah India kerana lelaki India lebih bersifat mesra berbanding dengan lelaki Cina. Ada lelaki India mendakwa bahawa ramai teman lelaki pembantu rumah adalah India kerana mereka tidak memandang rendah terhadap wanita Filipina tersebut. Beberapa peniaga Cina di Mini Manila berpendapat bahawa lelaki India pandai mengambil hati wanita Filipina melalui cakap-cakap manis mereka.

Penulis berpendapat kebanyakan teman lelaki dan suami wanita Filipina adalah India dan Cina kerana jalinan sosial mereka seperti gereja memberi mereka lebih peluang untuk berdampingan dengan masyarakat India dan Cina. Selain daripada itu mungkin sebab agama juga; orang Melayu mempunyai agama yang berbeza dari mereka.

4.4 Perhubungan dengan keluarga di Filipina.

Kesemua responden mengekalkan perhubungan mereka dengan keluarga mereka di Filipina. Responden kerap menulis

surat kepada keluarga mereka. Ada juga responden yang menelefon keluarga mereka sekali-sekala. Majikan yang kurang cerewet membenarkan responden menelefon keluarga di Filipina dengan menggunakan telefon mereka asalkan responden menanggung bayaran tersebut. Ada beberapa responden yang menelefon keluarga mereka pada hari cuti mereka di pejabat Telekom.

Selain daripada menulis surat dan menelefon keluarga di Filipina, responden juga balik bercuti di Filipina. Mengikut Standard Employment Contract yang dikuatkuasakan oleh POEA, majikan harus membenarkan pembantu rumah bercuti di Filipina selama tidak kurang dari lima belas hari jika kontrak pembantu rumah dilanjutkan untuk setahun lagi. Hari-hari cuti tersebut harus dibayar gaji dan majikan juga harus membayar tambang penerbangan dua arah pembantu rumahnya yang berjumlah lebih kurang RM1200.

Di antara responden kumpulan B, terdapat 3 orang responden yang belum dibenar balik bercuti di Filipina oleh majikan mereka. Responden yang lain pernah balik ke Filipina bila melanjutkan kontrak mereka dengan majikan yang asal, memperbaharui kontrak dengan majikan asal dan bila menukar majikan.

Dua belas responden kumpulan B telah bercuti di Filipina bila melanjutkan kontrak dengan majikan. Diantara 12 orang responden ini, seramai dua orang pernah balik bercuti di Filipina selama dua kali dalam masa lebih kurang empat tahun; sementara seorang lagi pernah balik bercuti selama tiga kali dalam masa lebih kurang lima tahun.

Kebanyakan responden tersebut bercuti selama tiga minggu hingga lapan minggu di Filipina. Ada majikan yang membayar kos penerbangan dua hala responden, ada yang cuma membayar kos penerbangan sehala sahaja.

Dua orang responden kumpulan B pernah balik bercuti di Filipina bila mereka memperbaharui kontrak dengan majikan lama mereka. Responden tersebut berada di Filipina selama dua dan enam bulan. Responden yang bercuti selama enam bulan di Filipina sebenarnya bercadang untuk bekerja di Hong Kong untuk memperolehi pengalaman yang baru tetapi akhirnya memperbaharui kontrak dengan majikan lamanya di Malaysia kerana majikannya melayan beliau dengan baik dan juga kerana proses mendapat kerja di Hong Kong memerlukan masa yang lama.

Lapan orang responden kumpulan B pernah balik ke Filipina bila mereka menukar majikan. Responden tersebut berada di Filipina selama enam minggu hingga empat bulan sebelum mereka kembali ke Malaysia untuk bekerja dengan majikan yang lain.

Selain daripada responden kumpulan B, ada dua orang responden kumpulan A yang berpeluang untuk bercuti di Filipina. Marilyn adalah salah seorang daripada responden tersebut yang berpeluang untuk bercuti di Filipina sebelum sampai masa dua tahun kerjanya. Responden yang lain telah bercuti di Filipina setelah bekerja selama dua tahun dengan majikannya.

Hampir kesemua responden (96%) mengirim wang kepada keluarga mereka untuk menyumbang kepada perbelanjaan

keluarga seperti untuk pendidikan anak-anak atau untuk adik-beradik dan ibu bapa.

Dua puluh dua orang dari kumpulan A kerap mengirim wang kembali kepada keluarga di Filipina. Hanya dua orang responden kumpulan A sahaja yang tidak mengirim wang kepada keluarga mereka di Filipina. Seorang daripadanya masih bujang dan seorang lagi pula mengatakan beliau tidak perlu mengirim wang kepada keluarganya kerana ibunya dapat menyara hidup melalui usaha cucuk tanam sementara suaminya yang bekerja di Dubai akan menghantar wang untuk menyara hidup anak-anak mereka. Responden tersebut berhasrat untuk membawa pulang simpanan mereka bila mereka tamat bekerja di sini. Marie yang kerja sebagai kerani hanya pernah mengirim wang RM300 kepada keluarganya sekali sahaja. Marie berkata suaminya berjaya untuk menyara keluarganya yang terdiri dari seorang anak perempuan yang berumur lima tahun.

Kiriman wang yang terbanyak dari kumpulan A adalah sebanyak lebih kurang RM1500 tiap-tiap dua bulan sekali. Responden ini menerima gaji RM600 sebulan sahaja dan mendakwa bahawa beliau tidak terlibat dengan sebarang pekerjaan sampingan. Penulis mengesyaki responden tersebut terlibat dengan kerja sampingan yang lain kerana jumlah kiriman wang beliau yang berjumlah lebih kurang RM750 sebulan adalah melebihi gaji RM600. Tambahan juga, responden ini mengata bahawa perbelanjaan bulanan beliau adalah lebih kurang RM150 .(lihat jadual 4.1)

Jadual 4.1: Jumlah dan kekerapan kiriman wang.

(Kumpulan A)

	1bulan sekali	2bulan sekali	3bulan sekali	4bulan sekali	5bulan sekali	6bulan sekali	Jumlah
RM200	4	1	-	-	-	1	6
RM300	4	2	-	-	-	-	6
RM400	-	-	-	1	1	-	2
RM500	1	1	-	-	-	-	2
RM700	1	-	1	-	-	-	2
RM800	-	1	-	-	-	-	1
RM1000	-	-	2	-	-	-	2
RM1500	-	1	-	-	-	-	1
Jumlah	10	6	3	1	1	1	22

nota: 2 orang tidak mengirimi dan 1 orang pernah mengirimi
sekali sahaja tidak dimasukkan dalam jadual ini.

Selain daripada 21 responden kumpulan B yang terdapat dalam Jadual 4.2, empat orang responden lain daripada kumpulan B tidak mempunyai masa yang tetap untuk mengirimi wang kepada keluarga mereka di Filipina. Jumlah yang dikirimi juga tidak tetap Mereka hanya pernah mengirimi wang beberapa kali sahaja sepanjang masa mereka bekerja di sini.

Jadual 4.2: Jumlah dan kekerapan kiriman wang.

(Kumpulan B)

	1bulan sekali	2bulan sekali	3bulan sekali	4bulan sekali	setahun sekali	Jumlah
RM100	2	-	-	-	-	2
RM200	-	1	2	-	-	3
RM300	2	-	-	-	-	2
RM400	2	1	4	-	-	7
RM500	1	2	-	1	-	4
RM2000	-	-	1	-	-	1
Tidak tetap	1	-	-	-	1	2
Jumlah	8	4	7	1	1	21

nota: 4 orang mengirimi dalam jangka yang tidak tetap
tidak dimasukkan dalam jadual ini.

Hampir kesemua responden mengirimi wang kepada keluarga mereka dengan menggunakan perkhidmatan bankdraf. Selain daripada itu ada juga responden yang menggunakan perkhidmatan pindahan telegraf, atau meminta kawan-kawan dan saudara-mara yang balik ke Filipina membawa wang kepada keluarga mereka.

Ada yang mengirimi wang melalui agen tempatan yang menyediakan perkhidmatan "pintu ke pintu" iaitu di mana Pihak agensi akan menyuruh seorang agen di Filipina membawa jumlah wang yang ingin dihantar oleh pembantu rumah Filipina dalam bentuk tunai kepada keluarganya. Bayaran untuk perkhidmatan "pintu ke pintu" yang disediakan oleh segelintir agensi adalah bergantung pada tempat tujuan dan

Jumlah kiriman.Kebaikan perkhidmatan "pintu ke pintu" adalah kiriman wang akan sampai ke tangan penerima, jadi ini menyenangkan penerima terutamanya mereka yang tinggal di luar bandar kerana tidak perlu pergi ke bank di bandar untuk menunaikan bankdraf. Selain daripada menyediakan perkhidmatan menghantar wang, ada agensi yang akan menghantar "lechon" iaitu babi panggang kepada keluarga Pembantu rumah untuk suatu bayaran yang tertentu.

Selain daripada mengirim wang kepada keluarga di Filipina, responden juga ada menghantar barang-barang lain kepada keluarga mereka seperti pakaian terpakai yang diberi oleh majikan. Responden juga biasa menghantar hadiah pada masa-masa perayaan seperti harijadi ahli keluarga dan hari Krismas. Di antara barang-barang yang dihantar oleh responden adalah barang mainan kanak-kanak, barang kemas, kasut dan makanan.

Kebanyakan responden tidak mempunyai masalah yang serius dalam perhubungan mereka dengan keluarga semenjak mereka bekerja di sini kecuali perasaan rindu terhadap keluarga mereka. Walau bagaimanapun seorang responden kumpulan B mengata bahawa beliau telah kehilangan suaminya akibat bekerja di sini. Responden tersebut mengata suaminya telah bersama wanita yang lain bila beliau datang bekerja di sini. Kini responden tersebut telah berpisah dari suaminya.

BAB 5: PENUTUP

5.1 Pengenalan

Pada umumnya kita sering terdengar bahawa pembantu rumah Filipina di sini adalah dianiayai dan dieksploitasi dan penghijrahan mereka tidak memanfaatkan mereka. Jadi dalam bab ini penulis akan cuba menyimpul samada benar atau tidak andaian-andaian umum ini.

5.2 Ganjaran ekonomi.

Kesemua responden mengakui memperolehi ganjaran ekonomi akibat penghijrahan mereka untuk bekerja sebagai pembantu rumah di sini. Kebanyakan responden berkata bahawa mereka dapat mengirimi wang balik kepada keluarga mereka untuk menampung perbelanjaan keluarga seperti perbelanjaan pendidikan adik-beradik, anak-anak atau ibu bapa.

Seorang responden kumpulan A berkata bahawa beliau berupaya untuk menghantar wang kembali kepada suaminya untuk meluaskan perniagaan membuat sabun. Seorang dari kumpulan A dan seorang lagi dari kumpulan B menyata bahawa mereka berupaya untuk menghantar wang kembali kepada ahli keluarga untuk disimpan bagi tujuan membina sebuah rumah baru pada kemudian hari. Segelintir responden pula berkata bahawa mereka berupaya untuk menyimpan wang untuk membuka perniagaan mereka sendiri pada masa depan.

5.3 Ganjaran sosial

Ganjaran sosial merujuk kepada faedah yang bukan berbentuk kewangan. Lapan orang responden kumpulan A yang baru bekerja selama lebih kurang dua tahun di Malaysia

berkata mereka tidak memperolehi sebarang ganjaran sosial akibat bekerja di sini berbanding dengan dua orang responden kumpulan B yang telah bekerja di sini selama lebih kurang lima tahun.

Beberapa responden berkata mereka ada memperolehi ganjaran sosial tetapi mereka tidak dapat menjelaskan bentuk ganjaran sosial mereka. Ini mungkin kerana mereka kurang memahami soalan tersebut. Walau bagaimanapun penulis dapat tahu jenis ganjaran sosial yang diperolehi oleh mereka melalui perbualan dengan mereka ketika temubual dijalankan

Kebanyakan responden berkata bahawa ganjaran sosial mereka adalah dalam bentuk mempelajari memasak masakan cina. Selain daripada itu beberapa responden berkata mereka telah mempelajari masakan barat. Ada juga responden yang berjaya mempelajari sedikit Bahasa Malaysia dan Kantonis. Bentuk ganjaran sosial lain yang telah diperolehi oleh responden adalah mengenali lebih ramai kawan-kawan, mengenali kebudayaan yang lain, mempunyai kepercayaan terhadap diri yang lebih banyak serta mempelajari untuk berdikari.

5.4 Adakah menyesal datang bekerja di Malaysia?

Penulis juga telah menyoal responden samada mereka menyesal datang bekerja di sini kerana penulis ingin meneliti apakah ganjaran yang diterima setimpal dengan pengorbanan yang dibuat.

Penulis mendapati kebanyakan responden tidak meluahkan perasaan kesal mereka terhadap keputusan mereka

untuk datang bekerja di sini. Di antara sebab-sebab yang diberi oleh responden terhadap mengapa mereka tidak menyesal datang ke sini adalah kerana mereka dapat memperolehi pendapatan yang lebih banyak di sini dan dapat menyimpan wang yang lebih banyak. Selain daripada itu, sekiranya mereka tidak datang bekerja di sini mereka tidak akan dapat memperolehi apa-apa.

Majikan yang baik juga merupa salah satu faktor yang menyebabkan segelintir responden tidak menyesal datang bekerja di sini. Faktor lain adalah peluang untuk mengenali kawan-kawan baru terutamanya rakyat Filipina dan keadaan di sini yang lebih kurang seperti negara asal mereka. menyebabkan mereka tidak begitu rindukan tempat asal mereka.

Secara kesimpulannya kebanyakan responden tidak menyesal datang ke sini kerana mereka memperolehi ganjaran ekonomi dan sosial yang setimpal dengan pengorbanan yang dibuat oleh mereka.

Hanya dua orang responden kumpulan B berkata bahawa mereka kadang-kadang berasa menyesal datang ke sini. Seorang daripada responden tersebut adalah lepasan universiti dan beliau berhasrat untuk menyambung kerja mengajar beliau pada masa hadapan setelah beliau kembali ke Filipina. Responden yang lain pula berkata beliau kadang-kadang ada menyesal datang bekerja di sini kerana sekiranya beliau tidak datang ke sini, mungkin suaminya tidak akan meninggalkan beliau untuk bersama perempuan yang lain.

Seorang responden kumpulan A juga berkata beliau kadang-kadang menyesal datang bekerja di sini kerana layanan

majikan terhadapnya kurang baik. Responden tersebut adalah wanita yang mengadu bahawa majikan beliau seringkali memarahi dan mencaci beliau serta hanya memberi beliau RM400 sebulan sahaja. Seorang responden lagi dari kumpulan A berkata bahawa beliau menyesal datang ke sini pada lebih kurang tiga bulan awal kedatangan beliau ke sini kerana amat merindui keluarganya di Filipina.

5.5 Adakah akan balik bekerja di Malaysia sekiranya berpeluang?

Di dapati kebanyakan responden menyatakan kerelaan mereka untuk kembali bekerja di sini sekiranya berpeluang untuk berbuat demikian. Keputusan kajian ini secocok dengan hasil kajian yang mendapati kebanyakan responden memperolehi ganjaran dan tidak menyesal datang bekerja di sini.

Kebanyakan responden rela kembali bekerja ke Malaysia kerana sebab-sebab ekonomi iaitu mereka berupaya untuk memperolehi pendapatan yang lebih tinggi di sini berbanding dengan di Filipina. Ini membolehkan mereka membuat simpanan yang lebih banyak untuk masa hadapan.

Proses memperolehi kerja yang mudah iaitu boleh membayar secara ansuran kepada agen juga merupa salah satu faktor yang mendorong responden kembali bekerja di sini. Selain daripada itu, majikan yang baik juga merupa satu faktor pendorong yang penting.

Kerelaan responden untuk kembali bekerja di Malaysia juga dipengaruhi oleh hakikat bahawa Malaysia

berdekatan dengan Filipina. Tambahan juga responden suka kehidupan di Malaysia. Peluang untuk belajar berdikari dan bebas dari konkongan keluarga juga mempengaruhi keinginan responden untuk kembali bekerja di sini.

Responden kumpulan A yang mengadu bahawa majikannya selalu memarahinya juga berkata bahawa beliau akan balik bekerja di sini sekiranya di beri peluang berbuat demikian kerana kehidupan di Filipina adalah lebih susah lagi.

Responden-responden tertarik untuk kembali bekerja di sini kerana faktor penarik yang wujud di Malaysia dan faktor penolak di Filipina.

Seramai tujuh orang responden kumpulan A tidak ingin balik bekerja di Malaysia sekiranya berpeluang berbuat demikian. Empat orang responden tersebut memberi alasan bahawa mereka ingin pergi bekerja di negara lain seperti Kanada yang menawarkan gaji yang lebih tinggi. Dua orang responden yang lain ingin menikmati pengalaman baru bekerja di negara lain sementara seorang lagi ingin mengikut majikannya ke Amerika Syarikat.

Tujuh responden kumpulan B juga menyata bahawa mereka tidak akan kembali bekerja di sini. Dua responden tersebut ingin pergi bekerja di Hong Kong dan Kanada yang menawarkan gaji yang lebih tinggi sementara lima orang yang lain menyatakan keinginan mereka untuk pulang ke Filipina. Sebab pulang adalah berbagai-bagai. Ada yang mengatakan telah letih bekerja dan ada yang ingin menyambung pelajaran ke univrsiti. Sebab yang lain adalah ingin pulang menolong

menjalankan perniagaan keluarga. Ada juga responden yang disuruh pulang oleh suaminya.

Secara perbandingan lebih ramai responden kumpulan A menyatakan keinginan untuk terus menjadi pembantu rumah di luar negeri berbanding dengan responden kumpulan B. Ini mungkin kerana masa responden kumpulan B bekerja di luar negeri adalah lebih panjang daripada responden kumpulan A jadi mereka telah rindu pada keluarga dan juga kerana mereka telah menerima ganjaran ekonomi yang lebih banyak.

Dua orang responden kumpulan A dan empat orang responden kumpulan B berkata mereka belum pasti lagi samada mereka akan balik bekerja di sini sekiranya berpeluang untuk berbuat demikian.

5.6 Rancangan masa hadapan.

Penulis telah menanya responden tentang rancangan masa hadapan mereka setelah mereka tamat bekerja di luar negeri. Kebanyakan responden iaitu 14 orang dari kumpulan A dan 20 orang dari kumpulan B merancang untuk membuka perniagaan sendiri atau menyambung perniagaan yang sedia ada pada masa hadapan setelah mereka tamat bekerja di luar negeri.

Jenis perniagaan baru yang ingin diceburi oleh responden dan perniagaan keluarga responden adalah perniagaan runcit, pasaraya mini, butik, menjual hasil tani, menjual ikan, menjual makanan, menjual buah-buahan, restoran, membuat kasut, membuat biskut, serta membantu menanam padi dan buah-buahan. Empat orang responden kumpulan A dan dua

orang responden kumpulan B belum tahu lagi perniagaan jenis apa ingin diceburi oleh mereka.

Selain daripada cita-cita untuk melibatkan diri dengan perniagaan pada masa hadapan, ada juga responden yang ingin pulang ke Filipina untuk menyambung pelajaran mereka ke universiti. Rancangan responden yang lain adalah menjadi guru, setiausaha dan pengawal keselamatan.

Seorang responden kumpulan A bercadang untuk membeli sebuah rumah yang baru di Filipina. Dua orang responden kumpulan A yang lain pula ingin bekerja di Kanada dan seorang lagi merancang untuk bekerja di Kanada dan kemudian menjemput ahli keluarganya yang terdiri daripada seorang anak perempuan yang berumur empat tahun dan suaminya menetap di Kanada.

Responden kumpulan B yang telah berpisah dari suaminya dan mempunyai seorang anak bekerja di sini sebagai pembantu rumah menyatakan hasratnya untuk berkahwin dengan seorang rakyat tempatan supaya beliau dapat bermastautin di sini. Seorang lagi responden kumpulan B berkata beliau bercadang untuk menyertai dan menyanyi bersama sebuah kumpulan ahli-ahli musik di Pulau Pinang.

Dua orang responden kumpulan A masih merancang untuk menyambung pekerjaan mereka di Malaysia bila ditanya tentang rancangan masa hadapan mereka. Ini menunjukkan bahawa mereka belum lagi ada rancangan lain selain daripada ingin terus bekerja di luar negeri untuk memperolehi pendapatan yang sebanyak mungkin.

5.7 Kesimpulan

Pertama sekali penulis mendapati tiada perbezaan yang ketara di antara responden kumpulan A dan B disepanjang kajian ini dijalankan.

Kebanyakan responden kajian ini telah berumahtangga dan bukan bujang seperti yang didapati oleh Jodie(1987/88:95) atau Tharan (1992:5). Penulis mendapati perkahwinan dan mempunyai anak tidak menjadi penghalang kepada responden untuk berhijrah keluar seperti yang didakwa oleh Jodie (1987/88:197). Sebaliknya penulis mendapati kebanyakan responden yang telah berumahtangga berhijrah ke luar negeri untuk bekerja semata-mata kerana ingin memperolehi pendapatan yang lebih tinggi demi memberi suatu kehidupan yang lebih baik kepada anak-anak mereka.

Segelintir masyarakat seperti Tharan (penyelidik dan pekerja sukarelawan yang membantu pembantu rumah Filipina), Alicio (penasihat jawatankuasa pekerja Filipina di gereja St.Francis Xavier) serta seorang pegawai di Kedutaan Filipina di sini berpendapat bahawa wanita-wanita yang telah bekahwin dan mempunyai anak-anak terutamanya anak-anak yang masih kecil, tidak harus berpisah dari keluarga mereka untuk bekerja di seberang laut. Ini adalah kerana kesan negatif dari penghijrahan ini mungkin melebihi ganjaran ekonomi. Misalnya kanak-kanak yang masih kecil membesar menjadi delinkuen akibat kekurangan bimbingan daripada ibu. Mereka berpendapat seorang ibu harus berada di sisi anak terutamanya pada ketika masih kecil kerana pada masa itu anak-anak amat memerlukan bimbingan dan kasih

sayang ibu.

Selain daripada tidak berupaya untuk memberi kasih sayang yang mencukupi kepada anak-anak yang masih kecil, kos sosial lain yang mungkin timbul adalah suami wanita-wanita yang berhijrah ke luar negeri menyalahgunakan wang yang dikirim oleh isteri mereka untuk berpoya-poya dengan wanita yang lain. Tharan dan Alicio berpendapat bahawa fenomena wanita Filipina yang telah berumahtangga berhijrah untuk bekerja di luar negeri akan menjejaskan kestabilan dan kebahagiaan rumahtangga. Menurut Tharan, kini ramai wanita tidak menghantar wang kepada suami mereka tetapi kepada ibu bapa mereka untuk mengelakkan suami mereka daripada menyalahgunakan wang tersebut dan mengabaikan kebajikan anak-anak mereka. Di dalam kajian ini hanya seorang responden berpisah dari suaminya kerana suaminya telah mempunyai perempuan yang lain.

Seorang pegawai di Kedutaan Filipina memberitahu penulis bahawa kini kerajaan Filipina cuba berusaha untuk menahan penghijrahan wanita yang mempunyai anak-anak yang masih kecil. Malangnya pegawai tersebut tiada maklumat tentang rancangan yang dijalankan oleh POEA untuk mengurangkan bilangan wanita-wanita tersebut dari bekerja di luar negeri.

Suatu hakikat yang tidak dapat dinafikan adalah kebanyakan pembantu rumah Filipina di sini mempunyai tingkat pendidikan yang lebih tinggi dari pembantu rumah yang lain. Walau bagaimanapun dalam kajian ini tidak ramai pembantu rumah Filipina lulusan univeriti atau kolej seperti yang

didapati oleh Jojie(1987/88:98). Beberapa agen pengambilan tempatan berpendapat bahawa kini ramai wanita Filipina yang berkecayaan lebih tinggi seperti lulusan universiti lebih cenderung untuk mencari kerja di negara-negara lain seperti Kanada yang menawarkan gaji yang lebih tinggi dan mempunyai majikan orang putih yang dipercayai adalah majikan yang baik.

Kejutan budaya yang dianggap oleh Tharan (1992:10) sebagai salah satu masalah utama yang dihadapi oleh wanita-wanita Filipina yang bekerja di luar negeri tidak merupa masalah yang serius kepada responden kajian ini. Kesemua responden kajian ini berjaya untuk menyesuaikan diri mereka dengan kebudayaan tempatan dan mereka mempunyai perhubungan yang mesra dengan majikan masing-masing. Keadaan mereka jelas ditunjukkan oleh tingkat kepuasan kerja yang tinggi dan kurangnya aduan serius terhadap keadaan kerja dan kehidupan mereka di sini. Hanya Mari Lou yang dijumpai oleh penulis menghadapi masalah kejutan budaya dan dianiayai secara serius oleh majikannya.

Masalah umum yang dihadapi oleh kebanyakan Pembantu rumah Filipina adalah perasaan rindu mereka terhadap keluarga masing-masing di Filipina. Selain daripada itu adalah pengucapan Bahasa Inggeris yang berbeza sedikit di antara majikan dengan wanita Filipina. Walau bagaimanapun, ini tidak menimbulkan masalah yang serius setelah kedua-dua pihak telah biasa dengan cara pertuturan masing-masing. Responden tiada masalah menyesuaikan diri dengan cara memasak yang berbeza serta makanan yang berbeza

setelah tinggal di sini dalam jangka waktu yang tertentu.

Bagi setengah wanita Filipina, mereka bukan sahaja tidak menghadapi kejutan budaya malah mereka berjaya untuk menyesuaikan diri dengan kebudayaan tempatan sehinggakan mereka dapat berkahwin dengan rakyat tempatan atau mempunyai teman lelaki tempatan.

Tharan (1989:272) berkata ramai wanita Filipina yang berhijrah untuk bekerja sebagai pembantu rumah di luar negeri menghadapi pengalaman penganiayaan dan eksploitasi. Mereka yang mempunyai pengalaman yang menggembirakan merupa minoriti sahaja. Keadaan yang digambarkan oleh Tharan mungkin benar pada 1980an tetapi kini kes-kes penganiayaan dan eksploitasi yang serius kurang berlaku. Seorang pegawai di Kedutaan Filipina di sini berkata kes penganiayaan merupa peratus yang kecil daripada jumlah pembantu rumah Filipina di sini tetapi beliau tidak memberi maklumat yang lengkap kerana pengurusan data kurang lengkap. Pegawai Kedutaan tersebut berpendapat bahawa kes-kes penganiayaan yang serius berlaku secara meluas pada tahap yang awal kerana orang ramai belum berpengalaman lagi dalam cara-cara yang betul melayan seorang pembantu rumah.

Pihak NOHD juga mengakui bahawa kes-kes penganiayaan adalah merupa peratusan kecil sahaja jika dibanding dengan jumlah pembantu rumah Filipina di sini. Akhbar New Straits Times (4 November 1993) mendakwa bahawa hanya peratusan kecil sahaja daripada pembantu rumah Filipina yang melapur tentang penganiayaan fizikal atau seks. Kebanyakan pengaduan adalah terhadap gaji mereka yang

dianggap adalah terlalu rendah.

Walaupun penganiayaan yang serius tidak banyak berlaku tetapi penyelewengan biasa wujud dalam proses pengupahan. Di antara penyelewengan yang sering berlaku adalah seperti gaji yang kurang daripada RM500 yang ditetapkan oleh pihak POEA, hari cuti yang kurang daripada empat hari sebulan dan tiada pampasan dibuat untuk hari-hari cuti yang dilepaskan, masa kerja yang melebihi lapan jam sehari yang ditentukan oleh POEA dan ketidakhadiran ke seminar yang dianjurkan oleh pihak POEA untuk menyediakan wanita-wanita yang ingin ke seberang laut untuk bekerja sebagai pembantu rumah.

Penyelewengan yang masih berlaku dalam proses pengupahan pembantu rumah jelas menunjukkan kegagalan kerajaan Filipina untuk mengawal keadaan pembantu rumah Filipina di seberang laut. Pembantu rumah dianggap oleh kerajaan Filipina sebagai komoditi penting yang dieksport ke luar negeri untuk memperolehi pendapatan asing dari luar negeri. Peranan ekonomi yang dimainkan oleh wanita-wanita tersebut begitu jelas sehinggakan mereka digelar sebagai wira ekonomi oleh segelintir masyarakat. Memandangkan sumbangan penting wanita-wanita tersebut, kerajaan Filipina sepatutnya menjalankan pengawalan yang lebih ketat ke atas keadaan mereka untuk memastikan mereka tidak dianiayai atau dieksploitasi oleh mana-mana pihak yang terlibat.

Akhir sekali, penulis ingin menyimpulkan bahawa kebanyakan responden tidak menghadapi masalah yang serius ketika bekerja di sini. Sebaliknya ramai responden

memperolehi ganjaran terutamanya ganjaran ekonomi. Oleh itu ramai responden berniat untuk melanjutkan pekerjaan mereka di Malaysia atau di negara-negara lain setelah kontrak semasa mereka tamat demi memperolehi lebih banyak pendapatan untuk menampung perbelanjaan keluarga dan untuk masa hadapan mereka. Francisco (1992:5) berpendapat bahawa pembantu rumah Filipina cenderung untuk menyambung pekerjaan mereka di luar negeri kerana penghijrahan yang tunggal kurang dapat memenuhi keperluan ekonomi keluarga. Selain daripada itu, faktor penolak seperti peluang pekerjaan yang kurang dan gaji yang rendah di Filipina juga menggalakkan wanita-wanita Filipina ini terus mencari kerja di luar negeri.

Zaliyah Jasaludin
(1991/92)

Penyerta Fomkikahita
Indonesia di Kuala Lumpur
dan Petaling Jaya. Latihan
Ijazah Jabatan Antropologi
dan Sosiologi, Universiti
Malaya.

KERTAS PUSATKAN.

Tharun, S. (1992)

Regional Study on
International Migration,
National Development and the
Male Trade: Linking Domestic
Migrants in Malaysia. Kertas
Kerja Pembentutan oleh
Population Studies Unit
International Collaboration
berkaitan Migration,
Development and Gender in
Asian Region, Coral Beach
Resort, Kuantan, Pahang.
28-31 October 1992.

Bibliografi

LATIHAN ILMIAH

- | | |
|------------------------------------|--|
| Esah Bte Bujang (1987/88) | Penghijrah Orang-orang Filipina ke Wilayah Persekutuan Labuan: Satu Kajian Latar Belakang Ekonomi dan Sosial. Latihan Ilmiah Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya. |
| Jojie Samuel M.C. Samuel (1987/88) | Pembantu-pembantu Rumah Wanita Filipina di Malaysia: Satu Kajian Kes di Kawasan Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Latihan Ilmiah Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya. |
| Roslina Bt Md Hassan (1988/89) | Masalah Sosioekonomi Pembantu Rumah: Satu Kajian Kes di Seksyen 16, Petaling Jaya, Selangor. Latihan Ilmiah Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya. |
| Zakiyah Jamaludin (1991/92) | Pembantu Rumah Wanita Indonesia di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Latihan Ilmiah Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya. |

KERTAS PERSIDANGAN.

- | | |
|------------------------|--|
| Tharan, Caridad (1992) | Regional Study on International Migration, National Development and the Maid Trade: Filipino Domestic Helpers in Malaysia. Kertas Kerja Dibentangkan dalam Population Studies Unit International Colloquium bertajuk " <u>Migration, Development and Gender in ASEAN Region</u> ", Coral Beach Resort, Kuantan, Pahang 28-31 Oktober 1992. |
|------------------------|--|

Francisco, Josefa S.
(1992)

Issues of Re-Integration.
Kertas Kerja Dibentangkan
dalam Regional Policy
Dialogue yang Dianjurkan
oleh APDC, Kuala Lumpur
bertajuk "Foreign Domestic
Workers, International
Migration, Employment and
National Policies", Colombo,
Sri Lanka 10-14 Ogos, 1992

Dorall, Richard F. dan
Raja Paramasivam, Sanmuga
(1992)

Gender Perspectives on
Indonesian Labour Migration
to Peninsular Malaysia: A
Case Study. Kertas Kerja
Dibentangkan dalam
Population Studies Unit
International Colloquium
Bertajuk "Migration,
Development and Gender in
ASEAN Region" Coral Beach
Resort, Kuantan, Pahang
28-31 Oktober 1992.

BUKU

Azizah Kassim (1994)

Recruitment and Employment
of Foreign Workers in
Malaysia. Akan diterbitkan
dalam Rukiah Talib dan
Tan C.B (ed) Dimensions
of Change and Development
in Malaysia, 1994.

Tharan, Caridad (1989)

Filipina Maids in Malaysia
Dalam Trade in Domestic
Helpers: Causes, Mechanisms
and Consequences. Selected
Papers From the Planning
Meeting on International
Migration and Women. APDC,
Kuala Lumpur.

Jansen, C.J (1970)

Readings in the Sociology
of Migration. Pergamon
Press, Oxford.

KERATAN AKHBAR

Malay Mail, 1 Disember 1990, "Stabbing Tragedy"

New Straits Times, 4 November 1993, "Agony of Foreign Maids"

The Star, 26 Oktober 1991, "Deadline For Bosses"

The Star, 11 Mac 1992, "A Maid is Human Too"

The Star, 19 November 1992, "Bosses Worry Over Foreign Maids"